

PERANAN DAN PENGLIBATAN KAUM WANITA DI BIDANG
SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT PEKEBUN KECIL GETAH
(KAJIAN KES DI KAMPUNG BUKIT KELEDANG,
SEGAMAT, JOHOR)

Oleh:

No. Matrik 35592

Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1981/82

Daftar Kandungan	(i) - (ii)
Penghargaan	(iii)
Sinopsis	(iv) - (v)
Lampiran peta	
BAB I - PENDAHULUAN	1 - 10
1. Tujuan Kajian	1 - 3
2. Bidang Kajian	3 - 4
3. Metode Kajian	4 - 8
4. Masalah Kajian	8 - 10
BAB II - TEORI DAN KONSEP	11 - 25
1. Huraian mengenai peranan wanita	11 - 16
2. Huraian mengenai konsep pekebun kecil	16 - 21
3. Peranan dan penglibatan wanita pekebun kecil di bidang sosio-ekonomi	21 - 25
BAB III - LATARBELAKANG KAJIAN	26 - 46
1. Latarbelakang kawasan kajian	26 - 32
2. Latarbelakang masyarakat kawasan kajian	32 - 37
3. Latarbelakang responden	38 - 46
(i) Umur	38 - 39
(ii) Biodata keluarga	39 - 42
(iii) Pencapaian pendidikan	42 - 44
(iv) Pekerjaan dan pendapatan responden	44 - 46
BAB IV - KEGIATAN WANITA DI BIDANG EKONOMI	47 - 63
1. Kegiatan di bidang pertanian	51 - 57
2. Kegiatan bukan pertanian	57 - 63
(i) Kegiatan ekonomi secara tetap	57 - 59
(ii) Kegiatan ekonomi secara sambilan	59 - 63

BAB V	- KEGIATAN WANITA DI BIDANG SOSIAL	64 - 80
	1. Kegiatan secara formal	65 - 76
	(i) Pertubuhan Wanita Pekebun Kecil (PWPK)	67 - 71
	(ii) UMNO	71 - 75
	(iii) Belia	75 - 76
	2. Kegiatan secara formal	76 - 80
BAB VI	- FAKTOR PENDORONG DAN PENGHALANG PERANAN DAN PENGLIBATAN WANITA DI BIDANG SOSIO-EKONOMI	81 - 94
	1. Faktor pendorong	82 - 88
	(i) Umur	83 - 85
	(ii) Bilangan anak	85 - 86
	(iii) Kedudukan ekonomi keluarga	86 - 88
	2. Faktor penghalang	88 - 89
	(i) Umur dan jantina	88 - 89
	(ii) Bilangan anak	89
	3. Kesan dari peranan dan penglibatan wanita	90 - 94
	(i) Kesan terhadap diri	90 - 91
	(ii) Kesan terhadap keluarga	91 - 93
	(iii) Kesan terhadap masyarakat	93 - 94
BAB VII	- KESIMPULAN	95 - 100

Bibliografi

Lampiran Soal Selidik/"Questionnaires"

Penghargaan

Syukur alhamdulliah, akhirnya siap juga latihan ilmiah ini. Dalam usaha untuk menyiapkannya pengkaji telah mendapat bantuan yang tidak terhingga dari beberapa pihak yang berkenaan. Tanpa bantuan mereka sudah tentu pengkaji menghadapi banyak kesulitan. Dengan tunjuk ajar dan sokongan serta kerjasama dari merekalah latihan ilmiah ini dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan. Pengkaji merasa sungguh terhutang budi dan ucapan jutaan terima kasih khas untuk mereka semua.

1. Puan Mazidah Haji Zakaria, pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, selaku penyelia latihan ilmiah ini telah memberi nasihat dan bimbingan kepada pengkaji.
2. Encik Razali Agus, pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, sebagai penyelia latihan ilmiah ini telah memberi kritikan serta tunjuk ajar sehingga ianya dapat disiapkan.
3. Encik Kadiron dan keluarga yang sudi menerima pengkaji sebagai anak angkatnya semasa pengkaji menjalankan kajian luar.
4. Penduduk-penduduk Kampung Bukit Keledang, serta pegawai-pegawai yang terlibat, yang telah memberikan kerjasama yang memuaskan semasa kajian luar dijalankan.
5. Kak Teh yang telah bersusah payah menaipkan latihan ilmiah ini sehingga siap.
6. Kawan-kawan yang telah sama-sama menjalankan latihan ilmiah dan sentiasa memberikan pertolongan pada pengkaji.

Terima kasih sekali lagi.
Wabillahi taufik wal-hidayah.

Matrik 35592

Jabatan Antropologi dan
Sosiologi
Universiti Malaya
KUALA LUMPUR.

Sinopsis

Dalam usaha untuk membuat latihan ilmiah ini, pengkaji telah menjalankan kajian luar, di kampung Bukit Keledang, di daerah Segamat, Johor. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmana peranan dan penglibatan kaum wanita di kampung ini di bidang sosial dan ekonomi dalam masyarakat pekebun kecil getah. Berhubung dengan itu, pengkaji telah membahagikan latihan ilmiah ini kepada 7 bab.

Bab I pengkaji telah menghuraikan tujuan serta bidang kajian. Disamping itu pengkaji juga menerangkan metode kajian yang digunakan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa membuat kajian luar.

Bab II pengkaji telah membuat huraian mengenai teori dan konsep-konsep yang digunakan dalam latihan ilmiah ini. Disamping itu diterangkan juga peranan dan penglibatan kaum wanita pekebun kecil di bidang sosial dan ekonomi di luar rumah.

Bab III adalah bab dimana pengkaji menghuraikan latarbelakang kajian. Dalam bab ini pengkaji telah menyentuh serba sedikit mengenai latarbelakang kawasan kajian, latarbelakang masyarakat kawasan kajian dan latarbelakang responden di kawasan kajian dijalankan.

Bab IV pula pengkaji telah membincangkan kegiatan-kegiatan ekonomi yang diceburi oleh wanita-wanita di Bukit Keledang secara khusus. Kegiatan-kegiatan ekonomi mereka adalah meliputi kegiatan ekonomi yang bercorak pertanian dan juga bukan pertanian, yang dijalankan samada secara tetap ataupun sambilan.


Bab V pengkaji telah meninjau penglibatan wanita dalam kegiatan-kegiatan sosial yang ada di kampung ini. Kegiatan-kegiatan sosial ini boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kegiatan sosial yang dijalankan secara 'formal' atau berorganisasi, dan juga kegiatan sosial secara 'informal' atau tidak mempunyai organisasi.

Dalam Bab VI pula pengkaji telah mengaitkan data-data yang didapati hasil dari kajian luar, bagi membuat analisa yang berhubung dengan

faktor-faktor yang dapat mendorong ataupun menghalang wanita-wanita di kampung ini, dari terlibat dengan kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi di luar rumah.

Akhirnya pengkaji telah membuat kesimpulan mengenai peranan dan penglibatan wanita di kampung ini di bidang sosio-ekonomi di luar rumah. Dalam bab ini pengkaji juga cuba menghubungkan 'theoretical framework' dengan 'findings' yang didapati oleh pengkaji.

PETA: DAERAH SEGAMAT



SEKIL:

1 INCI = 3 BATU

— KAWASAN KAJIAN

BAB I

PENDAHULUAN

1. Tujuan Kajian

Sejajar dengan proses pembangunan negara, semua rakyat mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama melaksanakan proses tersebut. Tanggungjawab ini tidak sahaja dipikul oleh kaum lelaki, malah kaum wanita juga turut memainkan peranan dan melibatkan diri di dalam projek-projek yang dilaksanakan. Ini tidak pula hanya melibatkan wanita bandar sahaja, tetapi juga wanita yang tinggal di kawasan luar bandar ataupun desa.

Bagi melihat keadaan dengan lebih jelas, pengkaji telah menjalankan kajian keatas wanita-wanita yang tinggal di kampung Bukit Keledang di daerah Segamat dalam negeri Johor. Mereka adalah merupakan wanita-wanita masyarakat pekebun kecil getah. Kajian ini juga dilakukan untuk mengesan kewujudan kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh wanita serta melihat sejauhmana penglibatan mereka, terutamanya di bidang sosial dan ekonomi di kampung ini.

Wanita, pada keseluruhannya mempunyai tugas tradisi iaitu sebagai suri rumahtangga yang masih kekal hingga ke hari ini. Oleh kerana itu dalam kajian ini pengkaji ingin melihat apakah wanita desa ini hanya terlibat dalam soal-soal yang berhubung dengan rumahtangga sahaja, ataupun juga melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan di luar lingkungan rumahtangga. Jika mereka merupakan wanita yang melibatkan diri dalam kedua-dua aspek ini, maka seterusnya pengkaji ingin melihat bagaimana

pula mereka membahagikan masa, bagi melaksanakan tugas-tugas di rumah dan di luar rumah.

Disamping itu pengkaji juga ingin melihat sejauhmana taraf pencapaian pendidikan wanita-wanita desa ini, yang mana ianya dapat dikaitkan dengan kebolehan mereka untuk bergerak secara lebih aktif lagi, di dalam bidang-bidang sosial dan ekonomi. Seterusnya pengkaji akan melihat kegiatan-kegiatan ekonomi wanita secara lebih khusus, samada kegiatan tersebut dilakukan secara tetap ataupun secara sambilan sahaja. Adakah kegiatan wanita di kampung ini dapat mengatasi masalah kesempitan hidup dan seterusnya meringankan beban keluarga.

Selain dari itu pengkaji juga akan meninjau kegiatan-kegiatan wanita di kampung ini dalam bidang sosial mereka. Berhubung dengan ini pengkaji akan melihat bagaimana wanita-wanita di kampung Bukit Keledang menggunakan masa lapang mereka, serta apakah jenis kegiatan sosial yang mereka ceburi dan bagaimana pula ianya dilakukan. Adakah mereka melakukan kegiatan-kegiatan ini secara individu ataupun melalui organisasi-organisasi yang ujud di kampung ini.

Disamping itu pengkaji juga ingin melihat sejauhmana benarnya dakwaan yang mengatakan bahawa masyarakat luar bandar itu mempunyai hubungan solidariti yang kukuh yang ujud dari hubungan persempuan yang mereka lakukan. Seterusnya pengkaji ingin melihat peranan wanita dalam mengeratkan lagi hubungan dengan jiran-jiran sekampung dan juga dengan masyarakat di luar kampung.

Oleh itu kajian ini dilakukan adalah untuk melihat setakat

mana peranan dan penglibatan wanita dalam hubungan mereka untuk meninggikan lagi taraf sosio-ekonomi keluarga dan seterusnya masyarakat setempat.

2. Bidang Kajian

Bagi memenuhi tujuan kajian, pengkaji telah menghadkan skop kajian ke dalam beberapa aspek sahaja, iaitu yang berhubung dengan peranan dan penglibatan wanita di segi sosial dan ekonomi. Oleh itu apa yang dilakukan oleh pengkaji ialah menghuraikan teori-teori dan konsep peranan serta penglibatan kaum wanita serta hubungannya terhadap masyarakat pekerjaan kecil getah.

Bagi tujuan untuk menjelaskan lagi apa yang dikaji, pengkaji akan meninjau serba sedikit mengenai latarbelakang kawasan kajian, latarbelakang masyarakat yang dikaji serta latarbelakang responden. Seterusnya kajian juga akan dilakukan terhadap aspek-aspek ekonomi dan sosial secara lebih khusus, dimana mereka telah melibatkan diri.

Dari segi ekonomi, kajian akan dilakukan terhadap kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh wanita samada di bidang pertanian ataupun bukan pertanian. Kemudian kegiatan ini akan ditinjau dari aspek bagaimana ianya dilakukan, iaitu samada secara tetap ataupun sembilan sahaja, bagi memenuhi masa lapang.

Sementara itu di bidang sosial pula, kajian telah dibuat untuk melihat apakah kegiatan-kegiatan yang mereka ceburi, samada yang bercorak formal ataupun tidak formal. Pengkaji juga melihat adakah wanita-wanita di kampung ini bergiat secara cergas di dalam kegiatan-kegiatan sosial mereka yang formal, seperti dalam pertubuhan-pertubuhan UMNO ataupun

Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) yang dianjurkan oleh pihak RISDA.

Setelah mengkaji kegiatan-kegiatan mereka pengkaji akan cuba membuat penelitian tentang kejayaan yang telah mereka capai. Ini akan melibatkan kajian terhadap faktor-faktor yang mendorong dan menghalang mereka dari bergerak cergas di dalam kegiatan-kegiatan yang mereka ceburi.

Seterusnya pengkaji akan meninjau kesan-kesan dan akibat dari penglibatan wanita di bidang sosial dan ekonomi. Kesan-kesan yang ditinjau ialah kesan-kesan negatif dan positif ke atas diri responden, keluarga mereka serta kesan ke atas masyarakat setempat. Akhir sekali pengkaji membuat rumusan, berdasarkan data-data serta pemerhatian-pemerhatian yang telah dijalankan.

3. Metode Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah yang dianggap perlu. Kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji ialah 'field work' atau membuat kajian luar.

Selain dari itu, pengkaji juga mendapat maklumat dari bahan-bahan yang sedia terkumpul atau 'library research'. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan sebanyak mungkin, bagi menjelaskan sejauhmana peranan dan penglibatan wanita terhadap masyarakat setempat, iaitu masyarakat pekebun kecil getah.

Bagi mencapai matlamat ini pengkaji telah menggunakan beberapa metode pengkajian serta langkah-langkah seperti yang diterangkan di bawah.

(i) Pemilihan responden

Proses ini harus dilakukan berhati-hati supaya responden yang dipilih dapat mewakili penduduk umum. Untuk itu pengkaji telah menggunakan cara "random sampling". Dalam kes ini pengkaji telah menemui 34 orang responden. Kepada mereka ini pengkaji telah menjalani penyelidikan yang dibuat secara formal, iaitu dengan menggunakan soal selidik atau "questionnaires".

Golongan yang diambil menjadi responden ialah wanita-wanita yang berumur di antara 16 tahun hingga 65 tahun. Mereka ini terdiri dari wanita-wanita yang telah berkahwin, bujang dan janda. Pengkaji juga mengambil gadis sebagai responden kerana, walaupun ada diantara mereka yang masih menuntut, tetapi mereka telah turut melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi yang ada di kampung ini.

Disamping itu pengkaji juga ingin melihat perbezaan kegiatan-kegiatan yang dilakukan dan masa yang digunakan bagi melakukan kegiatan-kegiatan tersebut, diantara golongan gadis dengan responden-responden yang telah berumahtangga dan mempunyai anak.

(ii) Soal selidik

Bagi mendapatkan data-data seperti biodata keluarga, pekerjaan, pendapatan serta kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh responden secara terperinci, maka pengkaji telah menggunakan cara soal selidik atau "questionnaires". Disini pengkaji telah menggunakan dua bentuk soal selidik, iaitu yang bercorak "open ended" atau "unstructured" dan juga "close ended" atau "structured" (sila lihat lampiran).

Dalam soal selidik yang berbentuk "open ended" responden dikehendaki mengemukakan jawapan masing-masing dan mereka bebas memberi pendapat atau pandangan terhadap perkara-perkara yang dikemukakan. Sementara dalam soal selidik yang berbentuk "close ended" pula, jawapan-jawapan telah disediakan dan responden hanya dikehendaki memilih jawapan yang berkenaan sahaja.

(iii) Penyertaan dan pemerhatian (participant observation)

Selain dari metode soal selidik, pengkaji juga telah menggunakan cara pengumpulan data dan maklumat-maklumat yang dipanggil sebagai "participant observation". Cara ini ialah suatu cara dimana pengkaji telah tinggal bersama-sama dengan orang kampung di kawasan tempat kajian dijalankan. Dengan cara ini pengkaji dapat melihat segala kegiatan yang dilakukan oleh masyarakat kampung ini secara lebih dekat dan jelas lagi.

Dalam proses "participant" pengkaji telah turut melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi yang dilakukan oleh kaum wanita di kampung ini. Misalnya di dalam kegiatan menoreh dan memproses getah. Walau bagaimanapun pengkaji tidak dibenarkan menoreh, kerana ditakuti pokok-pokok getah tersebut akan rosak. Sebenarnya kedua-dua jenis pekerjaan ini, yakni menoreh dan memproses getah, adalah memerlukan kemahiran. Jika tidak hasil yang dikeluarkan akan berkurangan dan mempunyai mutu yang rendah serta memungkinkan juga pokok-pokok getah menjadi rosak.

Selain dari itu pengkaji juga melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sosial yang diadakan di kampung ini, seperti menghadiri kenduri perkahwinan, majlis tahlil dan majlis membaca yasin yang diadakan di surau

kampung ini.

Manakala dalam proses "observation" pula, pengkaji hanya melihat bagaimana, dimana dan apa kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh wanita-wanita di kampung ini.

Disamping itu pengkaji juga memerhati kesan-kesan kegiatan yang dijalankan, hubungan antara anggota keluarga dan masyarakat, sikap serta konflik yang ujud dalam masyarakat dan lain-lain aspek yang berhubung dengan nilai, yang mana ini tidak dapat dikesan melalui cara soal selidik.

Metode ini adalah penting bagi mendapatkan data-data yang lebih tepat. Ini adalah kerana apa yang diperhati biasanya adalah merupakan kegiatan mereka yang sebenar, sedangkan jika melalui soal selidik sahaja mungkin pengkaji tidak boleh mendapatkan data-data yang tepat. Misalnya dalam setengah-setengah soalan yang dikemukakan, responden boleh memikirkan apa jawapan yang harus diberi dan tidak apa yang sebenarnya dialami. Selain dari itu mereka mungkin akan bersetuju sahaja dengan apa yang dikemukakan oleh pengkaji (acquiescence response). Dengan itu maklumat serta data yang diperolehi akan menjadi kurang tepat.

Biasanya kedua-dua proses ini, iaitu "participant" dan "observation" adalah berlaku serentak. Cara ini adalah penting untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih tepat, terutama hal-hal yang mempunyai ^{hubungan} dengan nilai sesuatu masyarakat itu.

(iv) Temu bual

Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji juga telah mengguna-

kan metode temubual terhadap responden-responden. Kaedah ini dijalankan secara "informal". Selain dari itu, pengkaji juga menemui beberapa orang yang dianggap sesuai bagi mendapatkan data serta maklumat-maklumat. Mereka ini biasanya merupakan orang-orang yang memainkan peranan penting dalam kegiatan-kegiatan yang diadakan di kampung ini.

Pengkaji juga telah menemui penduduk-penduduk kampung yang telah berumur atau yang telah tinggal lama menetap di kampung ini bagi tujuan untuk mendapatkan data-data khasnya yang berhubung dengan sejarah pembukaan kampung serta adat resam penduduk. Tidak ketinggalan juga, pengkaji telah menemubual secara tidak formal, pegawai-pegawai RISDA yang bertanggungjawab secara langsung atas kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh orang-orang kampung.

(v) Rujukan perpustakaan

Bagi melengkapkan lagi hasil kajian, pengkaji telah merujuk beberapa buah buku dan lain-lain bahan bertulis yang dianggap sesuai. Ini adalah perlu, khasnya dalam proses penghuraian teori serta konsep-konsep yang digunakan dalam latihan ilmiah ini. Selain dari itu rujukan juga dapat memberi penerangan yang lebih mendalam lagi kepada pengkaji berhubung dengan kajian yang dilakukan.

4. Masalah Kajian

Kampung Bukit Keledang adalah merupakan sebuah kampung yang terletak di kawasan pendalaman dan berbukit-bukau. Alat perhubungan yang utama merupakan jalan tanah merah yang juga tidak rata keadaannya. Masalah

pengkaji disini, ialah untuk pergi bertemu dengan responden. Selain dari keadaan muka bumi yang tidak rata, kedudukan rumah diantara satu sama lain juga terletak agak berjauhan. Malah terdapat pembahagian yang agak nyata dalam corak penempatan penduduk, dimana satu bahagian terletak di atas bukit dan satu bahagian terletak di kaki bukit. Oleh itu pengkaji terpaksa menggunakan masa yang agak panjang bagi menemui seseorang responden, dimana jika keadaan muka bumi kampung ini rata, masa itu boleh digunakan oleh pengkaji bagi menambah bilangan responden.

Selain dari itu pengkaji juga menghadapi masalah kekurangan responden. Ini adalah kerana kampung ini merupakan sebuah kampung yang kecil baik dari segi saiz keluasan tanahnya mahupun dari segi saiz bilangan penduduknya. Jumlah ini bertambah kurang dengan adanya responden-responden yang telah meninggal dunia, berpindah ke tempat lain dan juga pulang ke kampung melahirkan anak. Oleh sebab itu responden telah mengambil beberapa orang gadis yang masih menuntut dan wanita-wanita yang telah lanjut usianya.

Keadaan ini seterusnya menimbulkan masalah yang lain. Bagi gadis-gadis yang masih muda usianya, seringkali malu-malu dan sukar untuk mengetahui pendapat mereka bila ditanya. Akibatnya, maklumat-maklumat yang didapati oleh pengkaji adalah kurang tepat. Sedangkan wanita-wanita yang telah berumur pula biasanya mempunyai sifat pasif terhadap soalan-soalan yang ditanyakan. Selalunya mereka akan menurut sahaja apa yang dikatakan oleh pengkaji. Mereka juga kurang berminat untuk memberi sebarang pendapat jika disuruh berbuat demikian. Selain dari itu tidak kurang juga responden yang menjawab "tidak tahu" atau "entah" apabila diajukan soalan-soalan.

Sifat suka menyembunyikan sesuatu, terutama yang berhubung dengan kedudukan ekonomi seperti jumlah pendapatan, memang sukar diatasi terutamanya jika mengkaji masyarakat Melayu. Mereka tidak mahu memberitahu jumlah pendapatan mereka yang sebenar. Keadaan ini menyebabkan maklumat dan data-data yang didapati menjadi kurang tepat.

Masalah lain yang dihadapi oleh pengkaji ialah masalah masa untuk pergi menemui responden. Oleh kerana mereka telah keluar bekerja di waktu subuh dan pulang lewat tengahari, iaitu diantara pukul 1.00 hingga 2.00 petang, maka masa pertemuan dengan responden adalah terhad. Pengkaji tidak dapat menemui mereka di waktu pagi. Kemudian, setelah pulang dari bekerja, mereka terpaksa pula mengurus rumah tangga seperti mencuci pakaian dan memasak makanan. Oleh itu kajian hanya dapat dijalankan pada sebelah petang sahaja. Ini bererti pengkaji telah banyak membuat masa yang mana amat diperlukan dalam menjalankan kajian ini.

BAB II

TEORI DAN KONSEP

1. Huraian mengenai peranan wanita

Manusia telah dijadikan berpasang-pasangan, iaitu lelaki dan perempuan. Pada asasnya, kedua-dua mereka mempunyai tugas dan peranan yang berbeza, samada dari segi biologi ataupun sosiologi.

Menurut ahli-ahli antropologi, perbezaan tugas ini merupakan "the primary division of labour" (Mednick; 1975 : 9). Menurut mereka lagi perbezaan peranan yang berdasarkan kepada jantina ini, telahpun didapati wujud dalam kelompok-kelompok masyarakat primitif, dan dalam kebanyakan masyarakat manusia sehingga dewasa ini. Berhubung dengan perkara ini Bierstedt telah mengatakan bahawa;

" the existence of two sexes, a biological differentiation, results in what is also one of the most important kinds of sosial differentiation, differentiation into two kinds of societal groups, men and women " (Bierstedt; 1963 : 353).

Masyarakat manusia dikatakan, sejak zaman tradisi lagi telah mengamalkan dan menentukan peranan seseorang berdasarkan kepada perbezaan jantina. Mereka telah dilatih sejak kecil dengan latihan-latihan yang berbeza. Misalnya, dalam masyarakat Mycenaeanus di zaman Greek tua, yang telah melatih anak-anak perempuan mereka melakukan tugas-tugas di dalam rumah tangga. Sementara anak-anak lelaki pula dilatih berperang dan memburu binatang. Latihan-latihan ini adalah bertujuan untuk membolehkan anak-anak tersebut lebih bersedia menghadapi tanggungjawab

mereka yang sebenarnya setelah dewasa kelak. Berhubung dengan ini Ford (Seward; 1970 : 4) telah mengatakan bahawa kegiatan-kegiatan seperti memburu, berperang dan membina bangunan adalah dianggap sebagai "masculine". Sementara kerja-kerja seperti menjaga kanak-kanak, memasak, menjahit dan lain-lain kerja di dalam rumahtangga dianggap sebagai "feminine". Berdasarkan kepada keadaan ini, beliau seterusnya berpendapat bahawa lelaki adalah lebih "dominant" dan "agressive". Sementara wanita pula lebih bersifat "nurturant" dan emosional.

Sebenarnya, tokoh-tokoh yang mempunyai pendapat seperti di atas boleh digolongkan ke dalam golongan ahli-ahli sains sosial yang menggunakan pendekatan biologi, dalam menganalisa peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh kedua-dua jantina masyarakat manusia. Golongan ini berpendapat bahawa peranan wanita hanyalah terhad di dalam lingkungan rumah-tangga sahaja. Manakala kaum lelaki pula terlibat dengan tugas-tugas di luar rumah-tangga. Anggapan ini adalah berdasarkan kepada perbezaan sifat fizikal di antara kedua-dua jantina ini. Sifat wanita yang dikatakan lebih lemah dari lelaki, dan peranan semula jadi mereka sebagai ajen melahirkan anak (child-bearer), menyebabkan masyarakat berpendapat bahawa tempat yang paling layak bagi mereka ialah di rumah.

Bagi wanita-wanita yang telah berkahwin pula Laws (1979 : 86) berpendapat, bahawa mereka mempunyai empat tugas yang asas iaitu sebagai isteri, ibu, pengguna dan pekerja dalam rumah-tangga. Tegasnya wanita adalah sebagai isteri dan ibu kepada anak-anak, dan mempunyai tanggung-jawab keatas mereka dan rumah-tangga. Golongan biologi atau tradisi ini juga menganggap bahawa tugas utama wanita di dalam rumah-tangga adalah

mengasoh anak serta melayan kehendak suami.

Sementara itu, oleh kerana kaum lelaki dianggap mempunyai kelebihan disegi mental dan fizikal, maka tugas mereka adalah sebagai 'bread-winner', disamping menjadi ketua keluarga bagi sesebuah rumahtangga.

Walau bagaimanapun penentuan peranan keatas masyarakat manusia yang berdasarkan kepada faktor biologi ini telah disangkal oleh beberapa orang tokoh, lalu menyarankan faktor alam sekitar sebagai penentu utama terhadap peranan-peranan yang dimainkan oleh seseorang. Misalnya Friedl (1975) dalam pendekatannya yang berdasarkan "environmental aspect" telah mengatakan bahawa perubahan alam sekeliling dapat mempengaruhi peranan dan tanggungjawab seseorang. Menurut golongan yang menggunakan pendekatan ini, penentuan peranan diantara wanita dan lelaki bukanlah merupakan warisan biologi, semata-mata. Tetapi adalah juga disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti fungsi serta keadaan sosial dan budaya, dalam sesebuah masyarakat itu.

Bagi golongan ini, anggapan yang mengatakan bahawa sifat wanita secara semula jadi adalah lemah dalam segala hal dan menganggap lelaki sebagai aktif, merupakan anggapan yang boleh dipertikaikan. Perbezaan peranan yang disebabkan oleh perbezaan keadaan ini hanyalah merupakan perbezaan "secondary" sahaja dan bukannya "primary". Apa yang utama bagi golongan ini dalam menentukan peranan seseorang ialah faktor budaya sesuatu masyarakat. Berhubung dengan itu Professor Ralph Linton menyatakan:

" All societies prescribe different attitudes and activities to men and to women. Most of them try to rationalize these prescriptions in terms of the physiological differences between the sexes or their

different roles in the reproduction. However, a comparative study of the statuses ascribed to women and men in different cultures seems to show that while such factors may have served as a starting point for the development of a division the actual ascriptions are almost entirely determined by culture " (di petik dari Montagu; 1952 : 15).

Menurut Holter pula (1975) peranan wanita berubah kerana disebabkan oleh adanya perubahan disegi teknologi dan juga nilai-nilai budaya sesuatu masyarakat. Wanita kini telah mendapat kebebasan disegi peranan yang ingin mereka mainkan. Dengan kemajuan teknologi serta pencapaian mereka di bidang pelajaran, membolehkan wanita bersaing dengan lelaki serta memainkan peranan yang sama pentingnya dengan kaum lelaki. Akibat dari perubahan corak ekonomi dari "self-sufficient" kepada "consumption-oriented economy", telah menyebabkan perubahan peranan yang dimainkan oleh wanita dalam masyarakat. Beserta dengan faktor pencapaian wanita di bidang pelajaran, serta perubahan corak ekonomi dalam masyarakat, maka peranan yang dimainkan oleh wanita juga turut berubah.

Apabila wanita mengalami perubahan di bidang ekonomi, maka secara tidak langsung bidang sosial mereka juga turut berubah. Dengan penglibatan mereka ke alam pekerjaan, mereka tidak lagi tinggal di rumah sepanjang masa. Sebaliknya mereka akan menghabiskan sebahagian besar dari masa mereka untuk bekerja bagi menghasilkan pendapatan. Jadi, dalam hal ini kaum lelaki tidak lagi memonopoli tugas sebagai "bread-winner" dan wanita pula sebagai "home-making". Ini juga bererti, bagi wanita yang mempunyai anak terpaksa meninggalkan anak-anak mereka di bawah jagaan orang lain.

Selain dari itu, wanita juga telah turut bergiat dalam kegiatan-

kegiatan yang berhubung dengan masyarakat. Hubungan sosial mereka tidak lagi terhad dalam lingkungan rumah tangga iaitu diantara suami dan anak-anak, tetapi juga dengan anggota-anggota dalam kelompok masyarakat yang lebih luas. Dari itu bolehlah dikatakan, dengan kemajuan teknologi yang dialami oleh masyarakat di masa ini, peranan wanita adalah jelas telah berubah. Mereka bersama-sama dengan kaum lelaki telah menceburkan diri dalam bidang yang sama berdasarkan atas kebolehan yang sama.

Seterusnya golongan "environmentalist" ini juga menganggap bahawa kekuatan fizikal, bukanlah merupakan faktor utama dalam menentukan peranan kaum wanita dan lelaki. Tetapi, sebaliknya ia ditentukan oleh faktor pencapaian seseorang, terutamanya di bidang ilmu pengetahuan. Di sini, adalah jelas bahawa golongan ini berpendapat bahawa penentuan peranan yang diwarisi atau faktor yang berdasarkan kepada perbezaan biologi adalah kurang penting, jika dibandingkan dengan faktor pencapaian seseorang. Sungguhpun demikian golongan ini tidak pula menafikan ujudnya "male dominance" dalam masyarakat manusia. Mereka juga tidak mengenepikan terus adanya peranan wanita yang tradisi yang masih dan tetap akan ujud, iaitu sebagai "child-bearer".

Berdasarkan kepada dua pendekatan yang disarankan oleh ahli-ahli sains sosial di atas, maka bolehlah dibuat analisa sejauhmana wanita-wanita di Malaysia amnya dan wanita-wanita pekebun kecil getah khasnya menepati kedua-dua pendekatan biologi dan alam sekitar yang disarankan itu.

Tujuan latihan ilmiah ini ialah untuk melihat sejauhmana peranan yang dimainkan oleh wanita-wanita pekebun kecil getah di Kampung

Bukit Keledang dapat menepati dua pendekatan yang telah dibincangkan di atas. Apakah mereka ini masih tetap berpegang dengan adat-adat tradisi, yang menentukan tugas wanita hanya berhubung dengan pemeliharaan anak-anak dan melayan suami sahaja. Atau apakah mereka telah terpengaruh dengan arus kemajuan, yang menyebabkan wanita tidak lagi tinggal di rumah sepanjang masa, tetapi sebaliknya turut melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi. Segala persoalan ini akan dibincangkan dalam bab-bab seterusnya.

2. Huraian mengenai konsep pekebun kecil

Pekebun kecil ditakrifkan sebagai pekebun-pekebun yang mempunyai tanah yang kurang daripada 100 ekar persegi. Konsep pekebun kecil dapat disamakan dengan konsep luar bandar. Ini berdasarkan kepada faktor-faktor alam sekitar, saiz penduduk dan faktor sosio-budaya yang mempunyai perbezaan dengan kawasan bandar.

Dari segi alam sekitar, kedua-dua kawasan ini, iaitu kebun kecil dan luar bandar, adalah merupakan kawasan pertanian. Ini bererti sebahagian besar dari penduduknya terlibat dibidang pertanian sebagai kegiatan utama sumber pendapatan ekonomi mereka. Selain dari kedua-dua kawasan ini juga dikatakan mundur dari segi pembangunan jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Pembangunan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik, air dan lain-lain kemudahan awam. Walau bagaimanapun memang tidak dapat dinafikan bahawa telah banyak kawasan luar bandar yang menerima kemudahan-kemudahan tersebut, sejak negara mencapai kemerdekaan. Sungguhpun begitu kemudahan-kemudahan yang diterima oleh kawasan luar

bandar adalah dianggap kurang, jika dibandingkan dengan kawasan bandar.

Berhubung dengan kegiatan ekonomi pertanian yang mereka jalankan, ciri-ciri lain yang dapat membezakan diantara penduduk kawasan luar bandar dengan kawasan bandar, ialah taraf hak milik harta benda. Masyarakat luar bandar dan pekebun kecil seringkali dianggap sebagai masyarakat yang hidup didalam kemiskinan dibandingkan dengan masyarakat bandar. Ini adalah kerana kegiatan ekonomi yang mereka lakukan itu tidak membolehkan mereka, mendapat hasil pendapatan yang tinggi.

Menurut Laporan Rancangan Malaysia Ketiga pendapatan^{an} purata penoreh getah pekebun kecil adalah \$450.00 sebulan. Sementara garis kemiskinan pada tahun 1979 pula sebanyak \$282.00 sebulan bagi sebuah negara yang mempunyai 4 orang anak. Jika berdasarkan kepada data-data yang ditunjukkan, jelaslah kepada kita bahawa masyarakat pekebun kecil getah tidak semiskin golongan masyarakat luar bandar yang lain seperti petani-petani padi ataupun nelayan, yang masing-masing mempunyai pendapatan kurang dari \$300.00 sebulan. Kajian kes ini dibuat adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana taraf kehidupan yang dicapai oleh penduduk-penduduk kampung Bukit Keledang ini.

Di segi saiz penduduk pula, kedua-dua kawasan merupakan suatu kawasan yang mempunyai penduduk yang kurang berbanding dengan kawasan bandar. Menurut banci penduduk Malaysia 1970, sesuatu kawasan itu dianggap sebagai bandar jika ia mempunyai bilangan penduduk lebih dari 10,000 orang. Berhubung dengan keadaan ini, maka kampung Bukit Keledang yang hanya mempunyai penduduk seramai 380 orang itu, adalah nyata sekali merupakan kawasan luar bandar.

Di segi sosio-budaya pula, kawasan yang dinamakan luar bandar itu merupakan kawasan yang lambat menerima perubahan. Masyarakatnya tebal dengan adat tradisi dan susah untuk menerima pembaharuan yang didatangkan dari luar. Di segi penggunaan teknologi mereka lebih suka menggunakan alat-alat yang diwarisi sejak zaman berzaman.

Selain dari itu masyarakat ini juga dikatakan mempunyai semangat kekitaan yang kuat di kalangan mereka. Ini bererti ikatan hubungan sosial yang terjalin itu adalah kukuh. Ini diwujudkan hasil dari perhubungan persemuakaan diantara penduduk-penduduk kampung ini. Perhubungan mesra itu juga menunjukkan adanya semangat kekitaan diantara anggota-anggota masyarakat.

Ciri-ciri yang membezakan diantara masyarakat luar bandar dan masyarakat bandar ialah di segi pekerjaan, ekonomi dan kebudayaan. Oleh kerana kebanyakan masyarakat luar bandar terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang berhubung dengan pertanian, maka pekerjaan yang mereka lakukan adalah tidak jauh bezanya diantara satu anggota masyarakat dengan anggota masyarakat yang lain. Sumber ekonomi mereka juga adalah hampir sama, **iaitu** hasil dari kegiatan-kegiatan pertanian yang dilakukan. Akibatnya budaya yang mereka hasilkan adalah sama, iaitu budaya tani.

Tiap-tiap anggota masyarakat mengamalkan budaya yang sama dalam kehidupan mereka sehari-hari. Jelasnya dengan lain perkataan, mereka ini hidup dalam suatu keadaan yang sama atau "homogenous", yang mana ini berbeza dengan masyarakat bandar yang dikatakan sebagai masyarakat yang "heterogenous". Ini bererti tiap-tiap anggota masyarakat kampung atau

luar bandar itu mempunyai status yang sama atau lebih kurang sama.

Berdasarkan kepada keadaan-keadaan dan cara hidup yang lebih kurang sama inilah, maka ikatan diantara satu anggota dengan satu anggota yang lain dalam kelompok masyarakat tersebut adalah erat. Keadaan ini dijelaskan oleh Firth (Syed Hussin; 1977 : 61) yang mengatakan kampung adalah sebuah unit sosial yang mempunyai perasaan setiakawan dan ketetanggaan. Hubungan yang ujud diantara anggota masyarakat luar bandar seringkali dikatakan lebih "integrated" jika dibandingkan dengan masyarakat bandar.

Walau bagaimanapun terdapat juga perbezaan diantara kedua-dua konsep luar bandar dan pekebun kecil. Ini berdasarkan kepada pemilikan tanah yang dimiliki oleh kedua-dua anggota masyarakat tersebut. Apa yang jelas ialah, masyarakat luar bandar tidak semestinya masyarakat pekebun kecil, tetapi sebaliknya, masyarakat pekebun kecil adalah masyarakat luar bandar.

Masyarakat pekebun kecil merupakan masyarakat yang mempunyai kebun dan mengusahaannya sendiri. Manakala masyarakat luar bandar pula, ada diantara mereka yang menjadi tuan-tuan tanah dan menyewakan tanah-tanah tersebut kepada mereka yang tidak mempunyai tanah (penyewa). Di samping itu ada juga masyarakat luar bandar yang tidak terlibat langsung dengan kegiatan-kegiatan pertanian sebaliknya mereka ini bekerja makan gaji ataupun bermiaga ^{sebagai} sumber pendapatan ekonomi mereka.

Berhubung dengan konsep kebun kecil yang dibincangkan, ianya adalah merupakan salah satu langkah Kerajaan Malaysia untuk meninggikan

taraf ekonomi penduduk, terutamanya di kawasan luar bandar. Sekim kebun kecil ini adalah meliputi semua jenis tanaman seperti getah, kelapa, koko, kelapa sawit dan lain-lain lagi. Mengikut Rancangan Malaysia Ketiga (RMT; 1976 : 293) keluasan tanah di bawah Sekim ini telah meningkat dari 2.7 juta ekar dalam tahun 1970, kepada 2.8 juta ekar ditahun 1975. Ini adalah akibat dari projek penanaman semula dan pembukaan tanah baru.

Kegiatan pertanian merupakan satu kegiatan yang sering mengalami perubahan. Oleh itu harga hasil pertanian juga turut mengalami perubahan, iaitu turun naik harga. Ini adalah kerana kegiatan pertanian bergantung sepenuhnya pada keadaan alam sekitar, seperti cuaca dan keadaan tanah tanah. Di samping itu harga hasil pertanian juga bergantung pada kadar permintaan yang seringkali tidak dapat ditentukan.

Bagi pekebun-pekebun kecil getah, mereka seringkali mengalami keadaan turun naik harga. Oleh kerana harga getah asli biasanya tidak ditetapkan, tetapi berdasarkan kepada interaksi diantara penjual dan pembeli di pasaran terbuka, maka selalulah berlaku kerugian dikalangan penjual-penjual hasil getah.

Di samping itu harga getah pekebun-pekebun kecil juga biasanya ditentukan oleh orang tengah. Apa yang sering terjadi ialah, keadaan dimana ujudnya eksloitasi terhadap pekebun-pekebun getah. Biasanya orang tengah akan cuba memaksimakan keuntungan mereka sebanyak mungkin. Untuk tujuan ini, mereka akan membeli getah dengan harga yang paling rendah. Eksloitasi ini akan menjadi lebih nyata jika pekebun-pekebun kecil berhutang dengan orang-orang tengah ini. Jika keadaan ini berlaku, orang

tengah akan menggunakan peluang ini bagi mendapatkan harga yang murah, dengan menawarkan harga menurut kehendak mereka sahaja. Jika pekebun telah terikat dengan hutang, biasanya mereka tidak memberikan tentangan yang hebat terhadap harga yang ditawarkan.

Bagi tujuan menolong pekebun-pekebun kecil, khasnya pekebun kecil getah dari dieksplotasi oleh orang-orang tengah ini, kerajaan telah campur tangan dalam proses pengendalian pemasaran. Badan yang telah diamanahkan untuk tujuan ini ialah, The Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) atau Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah.

Tetapi walaupun pihak RISDA telah mengambil alih peranan orang tengah, masih ramai juga pekebun yang menjualkan hasil mereka kepada orang-orang tengah ini. Jadi, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana masyarakat kampung Bukit Keledang terlibat dengan projek-projek yang dilancarkan oleh kerajaan, di bawah pengawasan RISDA. Di samping itu, kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana keujudan orang tengah dan peranan yang mereka mainkan di kampung ini.

3. Peranan dan penglibatan wanita pekebun kecil dibidang sosio-ekonomi

Sejak dari zaman primitif lagi kanak-kanak perempuan telah dilatih dengan kerja-kerja yang berhubung dengan rumah tangga. Ini adalah kerana masyarakat menyedari bahawa sifat semulajadi kaum wanita, sebagai "biological reproduction". Berikut dan sifat semulajadi ini wanita mempunyai tiga peranan yang asas iaitu sebagai "breeder-feeder" dan "producer" (Boulding; 1977 : 55). Oleh kerana tugas mereka sebagai

"breeder-feeder" ini dianggap berat dan tidak mempunyai rehat yang cukup, maka kaum wanita tidak digalakkan untuk bergiat dengan kegiatan-kegiatan diluar rumahtangga.

Oleh kerana tugas wanita sebagai "breeder-feeder", maka ini bererti mereka terpaksa menjaga serta mengasuh anak-anak di rumah. Sekiranya mereka keluar bekerja, sudah tentu anak-anak akan terbiar tanpa penjagaan yang wajar. Ini seterusnya akan mengwujudkan masalah sosial dikalangan anak-anak yang kurang mendapat didikan ibubapa. Di samping itu, wanita juga mempunyai tugas terhadap suami seperti menguruskan makan dan minumnya, mencuci pakaian serta mengwujudkan keharmonian dalam rumahtangga.

Walau bagaimanapun dengan pembangunan serta kemajuan teknologi yang ujud pada masa kini, telah menyebabkan berlakunya perubahan disegi peranan yang dimainkan oleh wanita. Mereka tidak lagi terlibat dengan kerja-kerja pengurusan rumahtangga sahaja tetapi juga telah terlibat dengan kegiatan-kegiatan diluar rumahtangga, yang meliputi bidang-bidang sosial dan ekonomi.

Di bidang sosial, mereka telah menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan didalam kelompok masyarakat mereka. Sementara di bidang ekonomi pula kaum wanita telah keluar bekerja dengan tujuan untuk menambahkan pendapatan keluarga.

Berdasarkan kepada keadaan-keadaan ini jelaslah bahawa tugas wanita pada masa kini telah bertambah. Tanggungjawab mereka tidak sahaja terhad didalam rumahtangga tetapi juga diluar rumah. Kita semua menyedari bahawa tanggungjawab wanita sebagai "breeder-feeder" adalah berat. Keadaan

ini menjadi lebih berat lagi sekiranya mereka juga terpaksa bekerja mencari nafkah. Tetapi biasanya mereka akan melakukan kedua-dua tanggungjawab ini dengan rela hati. Walau bagaimanapun memang tidak dapat dinafikan bahawa kadangkala memang ujud masalah, dalam menyediakan kedua-dua tugas ini. Disinilah diperlukan kebijaksanaan kaum wanita untuk membahagikan masa, supaya kedua-dua tugas ini dapat dilakukan dengan sempurna.

Berhubung dengan dua tugas yang dilakukan oleh wanita ini, ramai pengkaji berpendapat bahawa sememangnya wanita mempunyai tugas yang lebih berat dari lelaki. Mereka bekerja selama 7 hari dalam seminggu dan tidak tentu masa rehatnya. Mereka melakukan kerja-kerja rumah yang dianggap sebagai tidak pernah selesai. Menurut Hedges dan Barnet (1972 : 67), para isteri yang terlibat dengan pekerjaan, menggunakan lebih banyak masa untuk bekerja, berbanding dengan suami-suami mereka. Ini adalah kerana walaupun mereka bekerja diluar rumah, tetapi mereka masih lagi mempunyai tugas-tugas sebagai isteri dan ibu, yang harus dilaksanakan.

Bagi kebanyakan wanita pekebun kecil, di kampung ini bekerja diluar rumah bererti menjadi buruh ataupun membantu suami menoreh getah di kebun mereka. Bagi wanita-wanita yang menjadi buruh, mereka mempunyai pendapatan bulanan yang tetap. Tetapi bagi wanita yang bekerja membantu suami, mereka ini tidak mempunyai pendapatan tetap. Tugas mereka hanya semata-mata untuk membantu suami, di samping menguruskan rumahtangga. Walaupun tidak ada ciri-ciri pekerjaan yang nyata seperti upah dan masa bekerja yang tetap, tetapi wanita pekebun kecil ini masih dianggap mempunyai dua tugas yang berasingan, iaitu didalam dan diluar rumah.

Selain dari itu tugas mereka juga tidak mempunyai jadual yang tetap. Mereka akan keluar bekerja jika mereka merasa perlu atau atas arahan suami. Jelasnya kedatangan bekerja tidak begitu diberatkan.

Selain dari menoreh getah di kebun sendiri atau menjadi buruh, wanita pekebun kecil juga digalakkan melakukan kegiatan-kegiatan sampingan yang lain. Kegiatan-kegiatan ini biasanya dilakukan disekitar rumah tangga sahaja, seperti menternak haiwan dan berkebun sayur. Mereka juga terpaksa mengambil air dan kayu bagi kegunaan rumah tangga. Berhubung dengan keadaan ini Joan Huber mengatakan:

"Women are able to pursue extra-household activities, such as vegetable gardening, tending domestic animals, and drawing water, with relatively little constraint" (Huber; 1973 ; 192)

Walaupun masyarakat menyedari tentang banyaknya tugas wanita, tetapi mereka tidak pula cuba untuk meringankan tanggungjawab itu. Para suami jarang sekali menolong isteri-isteri mereka mengurus rumah tangga atau menjaga anak. Keadaan ini dijelaskan oleh Pat Armstrong dalam kajiannya di Britain. Beliau mengatakan:

"Only minority of husbands give the kind of help that assertions of equality in modern marriage simply" (Armstrong; 1979 ; 53).

Para suami menganggap seolah-olah kerja mengurus rumah itu mudah dan ringan. Oleh sebab itulah, wanita dibiarakan bekerja tanpa pertolongan.

Bagi wanita pekebun kecil di Bukit Keledang, walaupun tugas mereka berat, tetapi mereka tidak pernah mengupahkan kepada orang lain. Ini adalah kerana mereka tidak mampu untuk berbuat demikian. Sementara

itu mereka masih lagi mempunyai masa untuk turut bergaul dengan masyarakat dalam kegiatan-kegiatan sosial mereka.

Jadi, tujuan latihan ilmiah ini adalah untuk melihat bagaimana wanita-wanita dikampung Bukit Keledang ini membahagikan masa mereka melakukan kegiatan-kegiatan didalam dan diluar rumah tangga. Adakah kerana penglibatan mereka yang aktif itu telah menyebabkan anak-anak mereka terbiar, seperti yang didakwa.

Sebuah ukuraya telah dilakukan Jantau yang mengambil kesemua klasikas 19,000 atau peratus. Rakan-rakan di sebuah sekolah ini menyatakan kesepadan dengan Ledang Welch, sebuah ledang yang besar dan getah berperisaan seperti Inggeris. Secara keseluruhan mengingkat 141 atau 712 atau peratus. Ia berdasarkan kepada jumlah sekil gula yang dibentuk rakan-rakan tahun 1957 dan 1971.

Pekan yang terdapat diantara jangka Kurau ini ialah pekan Jantau yang jaraknya kira-kira 5.8 km. Pekan ini juga merupakan tempat tinggal orang-petani di dalam kampung, bagi mendapatkan bahan-bahan hidupan mereka sendiri. Selain dari itu mereka juga boleh mendapat urusan di bandar terdekat yang jaraknya kira-kira 24 km. dari kampung ini.

Dari segi asal usul, para rakan-rakan kurau ini merupakan "Orang Kurauan", yakni tanah pemberian dari kerajaan. Ia berdasarkan kepada sejarah pentadbiran kurau yang mana telah ditakdir oleh beberapa orang pakar di Ledang Welch dalam tahun 1957. Pegawai tersebut menurunkan kewangan ini telah mendapat sokongan dari pengurusan Ledang pada masa itu. Selain itu ia memberi jaminan bahawa kewangan itu adalah merupakan kewangan yang disiapkan sebagai "Kewangan putih", iaitu sumber keuangan yang berasal dari sumber

BAB III

LATARBELAKANG KAJIAN

1. Latarbelakang Kawasan Kajian

Kampung Bukit Keledang terletak dalam Mukim Jementah, daerah Segamat di negeri Johor. Ia merupakan sebuah kampung yang agak mundur dan terletak di pendalaman, serta berbukit-bukit pula. Sempadan di sebelah utaranya ialah hutan simpan Jementah yang mempunyai keluasan kira-kira 13,000 ekar persegi. Sementara di sebelah selatannya pula bersempadan dengan Ladang Welch, sebuah ladang kelapa sawit dan getah kepunyaan Syarikat Inggeris. Secara kasar, luas kampung ini ialah 713 ekar persegi. Ini berdasarkan kepada luas kebun kecil getah yang diteroka diantara tahun 1957 dan 1971.

Pekan yang terdekat sekali dengan kampung ini ialah pekan Jementah yang jaraknya kira-kira 5.6 km. Pekan ini juga merupakan tempat tumpuan utama penduduk-penduduk kampung, bagi mendapatkan bekalan bahan-bahan keperluan harian mereka. Selain dari itu mereka juga boleh membuat urusan di bandar Segamat yang jauhnya kira-kira 24 km. dari kampung ini.

Dari segi asal usul, pada mulanya kampung ini merupakan "tanah kurniaan", yakni tanah pemberian dari kerajaan. Ini berdasarkan kepada sejarah pembukaan kampung yang mana telah dilakukan oleh beberapa orang pekerja Ladang Welch dalam tahun 1957. Kegiatan mereka meneroka kawasan ini telah mendapat sokongan dari pengurus ladang pada masa itu. Beliau telah memberi jaminan bahawa kawasan itu adalah merupakan kawasan yang dianggap sebagai "kawasan putih", iaitu suatu kawasan yang bebas dari anasir

komunis. Setelah diteroka, kawasan ini kemudiannya telah ditanami dengan getah yang kini merupakan tanaman jualan utama bagi kampung itu.

Pada peringkat awal penerokaan, yang dilakukan dalam tahun 1957, setiap peneroka mendapat tanah seluas 5 ekar, dengan harga \$35.00 bagi setiap ekar. Walau bagaimanapun ada juga peneroka-peneroka yang mendapat tanah lebih dari jumlah yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana undang-undang pemilikan tanah pada masa itu tidak begitu tegas. Sesiapa sahaja yang mempunyai kesanggupan untuk meneroka tanah yang lebih luas jumlahnya, mereka dibenarkan untuk berbuat demikian, dengan syarat tanah tersebut mestilah diusahakan.

Tetapi di peringkat kedua penerokaan, yang dilancarkan dalam tahun 1971, setiap peneroka hanya boleh mendapat tanah seluas 3 ekar sahaja. Untuk ini mereka dikenakan bayaran sebanyak \$329.50 sen termasuk cukai pada tahun pertama tanah tersebut dikeluarkan. Di peringkat ini juga undang-undang pemilikan tanah yang lebih tegas dikeluarkan. Peneroka-peneroka tidak lagi boleh meneroka tanah secara sesuka hati, tetapi sebaliknya keluasan tanah yang harus diteroka telah ditentukan.

Berhubung dengan sejarah pembukaan kampung, pada mulanya nama kampung Bukit Keledang berasal dari nama sejenis pokok yang terdapat di atas sebuah bukit yang berhampiran. Disamping itu ada juga pendapat lain, yang mengatakan bahawa nama 'keledang' diambil sempena dari kedudukannya yang berhampiran dengan gunung Ledang, yang merupakan gunung tertinggi di negeri Johor. Sementara itu perkataan 'bukit' pula diambil sempena dari keadaan muka bumi yang berbukit-bukit.

Sebelum kampung ini mendapat namanya yang resmi, ia dikenali sebagai kampung Bukit Lima. Ini adalah kerana kedudukannya yang terletak berhampiran dengan blok kelima Ladang Welch. Oleh sebab itu, secara tidak langsung penduduk-penduduk kampung terus sahaja memanggilnya sebagai kampung Bukit Lima.

Disegi fizikal, kampung ini terbahagi kepada dua bahagian yang tidak resmi. Ini berdasarkan kepada corak penempatan penduduk-penduduk. Sebahagian dari mereka mendiami kawasan atas bukit dan sebahagiannya lagi, menduduki kawasan bawah bukit. Kawasan diantara dua bahagian ini tidak mempunyai penduduk.

Bagi kawasan yang terletak di bawah bukit, ia dikenali juga sebagai kawasan "paya", dimana sering berlaku banjir kilat, apabila hujan lebat turun. Keadaan ini disebabkan oleh ketiadaan sistem parit yang sempurna. Oleh sebab itu air tidak dapat mengalir ke sungai, tetapi bertakung di kawasan lembah dan rendah.

Lain-lain ciri fizikal yang terdapat di kampung ini, ialah disegi penempatan penduduk yang pada umumnya bercorak berjajar. Rumah-rumah didirikan di kiri kanan jalan tanah merah yang merupakan alat perhubungan utama di kampung ini. Rumah-rumah ini pula biasanya didirikan di atas tanah kebun masing-masing. Keadaan ini memudahkan penduduk mengusahakan kebun mereka sendiri, kerana tidak perlu berjalan jauh untuk pergi menoreh getah. Walau bagaimanapun ada juga penduduk yang terpaksa berbuat demikian jika mereka mengambil upah menoreh getah di tanah orang lain, ataupun bagi mereka yang terlibat dengan pengurusan keatas kebun-kebun yang baru diperolehi. Ini adalah kerana biasanya, kebun baru tersebut terletak jauh

dari rumah tempat mereka tinggal.

Mengenai penduduk-penduduk kampung pula, sumber pendapatan ekonomi secara keseluruhan, mereka menumpukan perhatian keatas perusahaan penanaman getah. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan faktor-faktor seperti bentuk muka bumi dan saliran semulajadi yang baik, bagi menjamin kesuburan pertumbuhan pokok-pokok getah. Walaupun begitu terdapat juga tanam-tanaman kontan seperti pisang, betik, dan pokok buah-buahan bermusim seperti durian, rambutan dan lain-lain lagi.

Tetapi apa yang jelas sekali ialah tanam-tanaman jangka pendek seperti sayur-sayuran adalah tidak menggalakkan. Ini disebabkan oleh beberapa faktor yang menghalang kegiatan penanaman tanam-tanaman tersebut. Selain dari faktor-faktor semulajadi seperti keadaan tanah yang tidak sesuai dan kekurangan bekalan air bagi penduduk yang mendiami kawasan atas bukit, serta banjir yang sering melanda bagi penduduk di kaki bukit, serangan dari berukera juga merupakan penghalang utama mengapa kegiatan ini kurang dilakukan. Oleh kerana kedudukan kampung yang bersempadan dengan hutan simpan Jementah yang luas ini, maka kedatangan haiwan-haiwan tersebut tidak dapat dikawal.

Seperti yang telah dinyatakan terlebih dahulu, kampung ini adalah merupakan sebuah kampung yang kecil dan terpencil. Keadaan ini menyebabkan ia tidak mempunyai ketua kampungnya sendiri. Walau bagaimanapun kampung ini telah digabungkan dengan kampung Permatang Panjang yang jauhnya kira-kira 4.8 km. dari kampung ini, dan dilantik seorang ketua kampung. Beliau merupakan ketua kampung yang dilantik sejak tahun 1957 lagi dan kini menetap di kampung Permatang Panjang. Jika terdapat sebarang masalah yang berhubung dengan pentadbiran atau lain-lain hal, ianya bolehlah di-

adukan kepada ketua kampung yang tinggal di Permatang Panjang ini.

Seterusnya, jika terdapat masalah yang tidak boleh diselesaikan di peringkat kampung, persoalan ini akan dibawa ke peringkat mukim dan dirujuk kepada penghulu mukim Jementah ataupun terus kepada pegawai daerah Segamat. Sementara itu, pentadbiran di kampung ini sendiri adalah dilakukan oleh Jawatankuasa Kampung (J.K.K) yang dilantik oleh penduduk-penduduk kampung melalui pungutan suara. Terdapat 2 orang Jawatankuasa Kampung dimana salah seorang dari mereka merupakan Ketua UMNO Bahagian Bukit Keledang.

Dari segi infrastruktur, kampung ini tidak mempunyai bekalan kuasa letrik ataupun paip air, walaupun telah 23 tahun ianya diteroka. Sungguhpun begitu ada juga diantara penduduk-penduduk kampung yang telah mempunyai peti televisyen dan lampu letrik. Mereka ini menggunakan bateri ataupun injin yang menggunakan kuasa minyak bagi mendapatkan tenaga letrik. Bagi penduduk kampung yang tidak berkemampuan, mereka ini menggunakan pelita minyak tanah atau lampu gas sebagai gantinya.

Dengan ketiadaan air paip, penduduk-penduduk kampung terpaksa menggunakan air perigi atau telaga, yang digali samada secara persendirian ataupun dengan bantuan dari pusat kesihatan ataupun dari pihak RISDA. Dalam usaha untuk mengatasi masalah kekurangan air ini, penduduk-penduduk kampung juga menakung air hujan bagi digunakan untuk keperluan rumahtangga.

Selain dari kedua-dua faktor di atas iaitu bekalan air dan letrik, kampung ini juga ketinggalan disegi alat perhubungan jalanraya yang sempurna. Bagi menghubungkan kampung ini ke kawasan lain, seperti

Ladang Welch, pekan Jementah ataupun kampung-kampung yang berhampiran, mereka menggunakan jalan tanah merah yang dibina di kampung ini. Jalan ini akan berdebu ketika kemarau dan lecak ketika hujan. Oleh kerana bentuk muka bumi kampung ini yang berbukit-bukau, maka jalan yang ada juga tidak rata. Keadaan seperti ini tidak membolehkan perkhidmatan bas atau teksi secara tetap. Oleh sebab itu, kenderaan yang paling popular di kalangan penduduk kampung ialah motorsikal. Ini menyulitkan penduduk-penduduk, khasnya suri-suri rumah yang ingin keluar ke pekan Jementah atau Segamat bagi tujuan untuk mencari barang-barang keperluan harian mereka.

Disamping itu ujud pula kesan sampingan yang lain, akibat dari ketiadaan sistem perhubungan yang baik ini. Misalnya, kampung ini tidak mempunyai kemudahan disegi perkhidmatan pos dan juga kekurangan kemasukan barang-barang keperluan harian, seperti bahan-bahan makanan segar dan bekalan alat-alat media massa yang bertulis seperti suratkhabar dan majalah.

Kampung ini juga tidak mempunyai institusi pendidikanya sendiri. Jadi, anak-anak yang bersekolah terpaksa dihantar keluar daripada kampung. Sekolah rendah hanya terdapat di Ladang Welch yang jaraknya kira-kira 1.6 km. dari kampung ini. Manakala anak-anak yang telah bersekolah menengah pula terpaksa pergi ke pekan Jementah yang jauhnya lebih kurang 5.6 batu. Mereka juga boleh belajar di sekolah-sekolah bayar yang kebanyakannya terletak di bandar Segamat. Selain dari itu di kampung ini juga tidak ada kelas tadika ataupun tabika bagi anak-anak yang belum bersekolah secara formal.

Disegi kesihatan, penduduk pada umumnya adalah memuaskan. Setakat yang diketahui tidak ada kes-kes penyakit, seperti malaria ataupun

ta'un yang mengakibatkan kematian. Walau bagaimanapun penyakit seperti batuk, selsema dan kudis memang sering berlaku terutama di kalangan kanak-kanak. Bagi tujuan menjaga kesihatan penduduk, pusat kesihatan telah menjalankan perkhidmatan bergerak ke kampung ini, yang dilakukan sekali dalam dua minggu. Penduduk-penduduk kampung menerima perkhidmatan ini secara percuma.

Selain dari itu mereka juga telah diperkenalkan kepada sistem pembuangan najis yang lebih teratur. Mereka telah mula menggunakan sistem tandas curah yang dibina samada secara persendirian ataupun dengan bantuan dari pusat kesihatan. Pihak kesihatan juga mengadakan langkah-langkah mengawal malaria. Pengawalan ini dilakukan secara semburan dari rumah ke rumah dan tempat-tempat yang diagakkan dimana nyamok-nyamok yang membawa penyakit ini (nyamuk tiruk) boleh membiak. Ini dijalankan dari masa ke semasa dalam jangkamasa satu bulan bagi sekali semburan.

Berdasarkan kepada kekurangan-kekurangan yang ujud di kampung ini, wajarlah bahawa ia memerlukan perhatian dari pihak-pihak yang berkenaan, bagi memajukan serta memberikan kesejahteraan hidup penduduk-penduduknya.

2. Latarbelakang Masyarakat Kawasan Kajian

Secara kasar, penduduk kampung ini dianggarkan seramai 380 orang yang terdiri dari 44 buah keluarga. Sebahagian besar dari penduduknya adalah terdiri dari golongan anak-anak diantara umur 7 tahun hingga 15 tahun. Golongan kedua ramai, ialah golongan tua yang berumur diantara 40 tahun hingga 80 tahun. Kampung ini kekurangan penduduk yang boleh digolongkan sebagai belia ataupun remaja. Ini adalah disebabkan oleh beberapa

faktor seperti penghijrahan belia ke bandar-bandar bagi mendapatkan pekerjaan, ataupun kerana proses perpindahan tempat kediaman selepas perkahwinan. Ini jelas kerana tidak ada ibu bapa yang tinggal serumah dengan anak menantu mereka di kampung ini.

Berhubung dengan keadaan ini corak atau bentuk keluarga yang serius terdapat di kampung ini ialah bentuk 'nuclear family' atau keluarga asas. Keluarga bentuk ini adalah keluarga yang terdiri dari ibu bapa serta anak-anak yang belum berumahtangga. Walau bagaimanapun dapat juga dikesan ujudnya keluarga yang berbentuk 'joint-family'. Dalam kes ini ibu bapa tinggal serumah dengan anak menantu mereka yang masih belum mempunyai anak.

Penduduk kampung ini, sepetimana sebahagian besar masyarakat Melayu yang lain, adalah mengamalkan sistem adat Temenggong. Mereka menjurai keturunan dari 'sebelah bapa ataupun lebih dikenali sebagai sistem 'patrilineal' (nisab bapa). Walau bagaimanapun dalam kes-kes tertentu seperti penyelesaian mengenai harta pusaka dan hak-hak seseorang, mereka merujuk kepada hukum Islam yang merupakan ^{ugama} kampung bagi seluruh penduduk disini.

Dalam hal mencari pasangan hidup, kerapkali penduduk-penduduk kampung ini mencari jodoh dengan orang-orang luar daripada kampung sendiri, malah ada juga yang mendapat pasangan hidup dari negeri yang berlainan. Jelasnya, disegi perkahwinan, mereka mengamalkan konsep 'exogamy' iaitu perkahwinan dengan anggota di luar dari kelompok (kampung) mereka. Seterusnya keadaan ini dapat memberikan gambaran, disegi kebebasan individu untuk memilih pasangan hidup mereka.

Ibu bapa biasanya memberi kebebasan dalam hal pemilihan jodoh ini dan tidak memaksa anak-anak mereka untuk mengahwini seseorang yang telah dipilih sebagai pasangan hidup. Apa yang sering mereka lakukan ialah memberi nasihat serta pandangan mereka tentang seseorang bakal menantu, jika diperlukan oleh anak-anak. Jadi, disegi ini, konsep 'prescribe marriage' adalah tidak ujud ataupun tidak begitu ketara keujudannya.

Berhubung dengan keadaan tersebut, 'mechanical solidarity' yang diujudkan akibat dari ikatan perkahwinan diantara masyarakat sekampung adalah tidak ujud. Tetapi sebaliknya ikatan perpaduan seperti ini ujud, hasil dari hubungan tinggal sekampung. Dengan itu perasaan kekitaan yang ujud di kalangan penduduk kampung ini adalah hasil dari interaksi mereka yang tinggal di dalam suatu persekitaran yang sama dan melakukan tugas-tugas yang lebih kurang sama. Ikatan perpaduan seperti ini dapat dikesan dari kelakuan mereka melakukan sesuatu kegiatan. Biasanya mereka akan bekerjasama serta saling bantu-membantu dalam setiap aktiviti yang perlu dilakukan secara beramai-ramai.

Ciri lain yang dapat menjelaskan keadaan penduduk kampung ini ialah berdasarkan dari tempat asal mereka. Sebahagian besar dari penduduk adalah merupakan pendatang baru ke kampung ini. Kebanyakan dari mereka datang dari luar kawasan kampung ini, samada dari bandar ataupun kampung dalam negeri yang sama, yakni negeri Johor. Secara keseluruhan, penduduk-penduduk kampung Bukit Keledang terdiri dari orang Melayu. Walaupun begitu terdapat juga sejumlah kecil dari kumpulan etnik Jawa dan Banjar. Tetapi mereka ini telah mengalami proses assimilasi sehingga menyebabkan ramai dari generasi muda kumpulan ini yang tidak mengetahui bahasa ibunda

mereka. Ini menjadikan kehidupan mereka lebih kurang seragam disegi adat resam serta bahasa yang mereka gunakan sehari-hari.

Sepertimana orang Melayu yang lain, yang menganut ugama Islam dan memegang teguh pada adat tradisi, masyarakat kampung ini juga mempunyai beberapa institusi sosial dan ugama beserta dengan amalan-amalannya yang tertentu. Misalnya, mereka seringkali mengadakan majlis membacadoa selamat di surau, kenduri arwah, upacara perkahwinan dan lain-lain lagi.

Disamping itu mereka juga mempercayai beberapa jenis makhluk ghaib yang boleh mendatangkan bencana ataupun kesusahan kepada mereka. Ini jelas dari perlakuan serta kepercayaan dalam kehidupan mereka sehari-hari. Misalnya terdapat pantang larang yang tidak membolehkan seseorang keluar di waktu senja. Ini kerana ditakuti jika ia tersepak hantu yang dipercayai sering berkeliaran di waktu ini. Kepercayaan ini diperkuatkan lagi oleh faktor alam sekitar tempat tinggal mereka, yang merupakan kawasan yang dianggap 'keras' kerana kedudukannya yang berhampiran dengan hutan dan berbukit-bukit pula.

Dengan adanya faktor-faktor tersebut, kampung ini akan menjadi sunyi apabila malam tiba. Ini ditambah pula dengan ketiadaan kuasa letrik, dimana tiap-tiap ahli rumah akan duduk di rumah masing-masing bila waktu malam, dan biasanya mereka akan cepat tidur. Tidak ada anak-anak muda yang berkumpul berbual-bual atau menjalankan aktiviti-aktiviti seperti berlatih kompong atau seni mempertahankan diri di kampung ini.

Disegi hubungan sosial diantara ahli-ahli masyarakat, hubungan adalah bercorak "perseukaan". Di masa-masa lapang, selepas menoreh getah,

mereka akan menziarahi rumah jiran-jiran yang berhampiran. Mereka juga akan bertemu semasa memproses getah atau ketika membasuh kain dan mandi-manda diperigi, yang dikongsi bersama. Selain dari itu pertemuan juga sering berlaku di majlis-majlis kenduri dan lain-lain perjumpaan sosial yang diadakan dikampung ini. Apa yang nyata kelihatan, kebanyakan penduduk kampung ini ingat dan tahu nama setiap ahli dalam masyarakat mereka. Ini menunjukkan bahawa hubungan yang mereka ujudkan itu adalah "integrated". Disegi ekonomi pula, kebanyakan penduduk kampung menumpukan pada pengeluaran hasil getah. Caranya adalah samada dengan mengerjakan kebun sendiri ataupun mengamalkan sistem bahagi dua dikebun orang lain. Tetapi berdasarkan kepada data-data yang diperolehi, setiap penduduk kampung mempunyai tanah kebun getahnya sendiri. Tetapi mereka yang inginkan pendapatan yang lebih mereka boleh mengerjakan kebun getah orang lain dengan cara membahagi dua hasil yang diperolehi atau menjadi buruh diladang yang berhampiran.

Disamping itu ada juga penduduk yang tidak menoreh kerana kebun-kebun mereka terlibat dengan proses penanaman semula getah dan masih belum dapat mengeluarkan hasil. Bagi mereka yang terlibat ini, mereka akan menumpukan perhatian ke bidang yang lain. Misalnya mereka mungkin bekerja di Ladang Welch atau dengan taukeh-taukeh Cina di pekan Jementah sebagai buruh kasar.

Selain dari itu ada juga penduduk kampung yang menjadi pemandu lori atau taxi, guru dan jaga (watchman). Secara kasar, purata pendapatan penduduk adalah kira-kira \$220.00 sebulan. Ini jelas menunjukkan bahawa taraf kehidupan penduduk dikampung ini dapat digolongkan sebagai miskin

tetapi tidak terlalu miskin bagi memenuhi keperluan-keperluan asas sebagai "orang kampung". Disamping itu, kebanyakan penduduk kampung mempunyai anak yang telah dewasa. Oleh itu kerap kali mereka menerima bantuan yang berbentuk "material" dari anak-anak yang telah bekerja.

Berhubung dengan taraf pendapatan penduduk dikampung ini pengkaji telah meninjau taraf pelajaran penduduk yang dapat dikaitkan dengan taraf pencapaian ekonomi dan sosial yang lebih tinggi. Dalam hal ini pengkaji mendapati bahawa peratus buta huruf dikalangan penduduk, khasnya golongan tua adalah amat tinggi. Terdapat kira-kira 50% kaum wanita yang tidak pernah bersekolah langsung, berbanding dengan hanya lebih kurang 35% bagi kaum lelaki.

Keadaan ini seterusnya dapat memberi kesan terhadap pekerjaan mereka. Oleh kerana kekurangan kelayakan, maka mereka hanya boleh diterima bekerja sebagai buruh kasar sahaja. Sungguhpun begitu kebanyakan penduduk kampung ini boleh membaca Al-Quran dan sedikit sedikit tulisan jawi. Al-Quran dibaca secara menghafal, dan ini dipelajari semasa mereka masih kanak-kanak lagi. Sementara itu kebanyakan daripada golongan muda pula, rata-rata mereka mempunyai taraf persekolahan sehingga tingkatan tiga, dan sebilangan kecil mencapai taraf tingkatan lima.

Dari data-data taraf pelajaran mereka, dapatlah dikatakan bahawa keseluruhan penduduk kampung ini mempunyai taraf pendidikan yang sederhana sahaja. Mereka bukanlah golongan cerdik pandai, dan keadaan ini mempengaruhi tingkat pendapatan dan sosio-ekonomi mereka, yang rata-rata boleh digolongkan kedalam golongan miskin dan berpendapatan rendah.

3. Latar belakang responden

Golongan yang menjadi responden didalam kajian ini adalah terdiri dari kaum wanita yang telah berkahwin, bujang dan juga janda. Bagi wanita yang menjadi janda, ini adalah disebabkan oleh kematian suami mereka dan tidak kerana penceraian semasa hidup. Bila keadaan ini terjadi, wanita-wanita yang terlibat terpaksa memegang peranan dan tanggungjawab sebagai ibu dan bapa secara serentak kepada anak-anak yang masih dalam tanggungan. Ini bererti mereka harus bekerja bagi menyara kehidupan keluarga.

Dalam kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji, terdapat 34 orang wanita kampung ini yang diambil sebagai responden. 11 orang dari mereka, merupakan wanita yang belum berkahwin, 3 orang janda dan selebihnya merupakan para isteri. Bagi menjelaskan kedudukan responden yang dipilih, pengkaji membahagi-bahagikan perbincangan kepada beberapa tajuk iaitu umur responden, biodata keluarga dalam ertikata hubungan responden dengan suami dan bilangan anak, taraf pencapaian pendidikan dan pekerjaan serta pendapatan responden.

(i) Umur

Dalam kajian kes ini, pengkaji telah mengambil wanita-wanita yang berumur diantara 16 tahun hingga 65 tahun sebagai responden. Mereka ini boleh dikatakan sebagai golongan yang aktif menjalankan kegiatan-kegiatan sosial dan juga ekonomi. Walaupun terdapat responden yang terlalu muda iaitu yang berumur 16 tahun, dan terlalu tua, 65 tahun, dalam konteks ukuran umum, umur penduduk, tetapi dalam konteks kampung ini, golongan tersebut turut memainkan peranan yang setanding dengan wanita-wanita lain. Selain dari itu, didapati juga beberapa orang responden yang masih menuntut,

tetapi mereka telah turut terlibat disektor-sektor sosial dan ekonomi bagi tujuan membantu keluarga. Disamping itu bagi wanita-wanita yang telah berumur, keluar bekerja, adalah bertujuan bagi menyara kehidupan diri sendiri dan untuk membantu keluarga. Jadual dibawah dapat menunjukkan umur wanita yang menjadi responden.

Jadual 3:1 - Peringkat umur responden

Umur	Bilangan responden	Peratus
* 16 - 26	11	32.4
27 - 36	2	5.9
37 - 46	11	32.4
47 - 56	8	23.5
57 - 66	2	5.9
Jumlah	34	100

Nota: *Dalam kategori umur 16 - 26 tahun terdapat 2 orang yang masih menuntut. Seorang berumur 16 tahun dan seorang lagi berumur 19 tahun.

Berdasarkan kepada jadual diatas, didapati, golongan terbesar yang menjadi responden ialah wanita-wanita yang berumur diantara 16 - 26 tahun. Kebanyakan mereka terdiri dari wanita yang belum berkahwin. Golongan lain yang menjadi responden utama pengkaji adalah dari golongan yang berumur diantara 37 - 46 tahun yang kebanyakannya terdiri dari ibu-ibu muda.

(ii) Biodata keluarga

Setelah seseorang itu berkahwin, apa yang dapat dikaitkan dengan status ini ialah saiz besarnya keluarga yang ujud. Disini, pengkaji hanya memberikan tumpuan kepada bilangan anak yang dilahirkan hasil dari

perkahwinan itu, dan tidak kepada ahli keluarga yang lain yang ujud dari proses perkahwinan tersebut, iaitu ibu bapa, adik-beradik atau saudara mara yang tinggal serumah. Disini pengkaji membahagikan responden kepada dua iaitu yang belum dan sudah berumahtangga dan seterusnya jumlah bilangan anak mereka. Jadual berikut menunjukkan taraf perkahwinan responden.

Jadual 3.2 - Taraf perkahwinan responden

Taraf perkahwinan	Bil. responden	Peratus	Purata Umur
Bujang	11	32.6	19.5
Berkahwin	23	67.6	46.2
Jumlah	34	100	

Dari jadual 3.2 di atas, didapati responden yang masih bujang adalah masih dalam lingkungan belasan tahun. Tingkat umur ini merupakan tingkat biasa bagi wanita-wanita di zaman ini yang tidak melibatkan diri ke alam perkahwinan. Jadi, kes kahwin cepat di kalangan penduduk kampung ini tidak berlaku dengan begitu ketara. Anak-anak perempuan mempunyai peluang untuk lebih lama hidup membujang dan mereka tidak dikenakan paksaan supaya segera berkahwin.

Bagi menunjukkan hubungan antara responden yang telah berkahwin dengan jumlah bilangan anak, sila lihat jadual di bawah.

Jadual 3.3 - Bilangan responden dengan bilangan anak

Bil. anak	Bil. responden	Purata umur	Peratus
2	1	35	4.3
3	-	-	-
4	3	40.3	13
5	3	54.7	13
6	2	38.5	8.7
7	2	42	8.7
8	7	49.4	30.4
9	3	51	13
10	2	42	8.7
Jumlah	23		100

Berdasarkan kepada jadual 3.3 di atas tidak ada penduduk kampung yang telah berkahwin, yang tidak mempunyai anak langsung. Paling sedikit, mereka mempunyai anak seramai dua orang, dan paling ramai pula hanya 10 orang. Secara purata, tiap-tiap penduduk yang telah berkahwin mempunyai anak seramai 6 orang. Jumlah ini merupakan jumlah yang sederhana bagi kebanyakan penduduk kampung. Oleh kerana masing-masing telah mempunyai anak sendiri, maka tidak ada kes pengambilan anak angkat yang berlaku di kampung ini.

Sementara itu golongan wanita yang terbesar yang menjadi responden, adalah wanita yang mempunyai anak seramai 8 orang. Mereka merupakan 30.4% dari responden pengkaji. Apa yang jelas ialah, mereka ini tidak suka mengamalkan perancang keluarga. Mereka berpendapat biarlah

ramai anak kerana mungkin dapat membantu mereka di kemudian hari. Kalau adapun amalan perancang keluarga dilakukan, ini hanyalah berlaku di masa-masa lepas yang biasanya merupakan amalan memakan pil-pil yang boleh didapati dari klinik-klinik kerajaan.

(iii) Pencapaian pendidikan

Adalah menjadi pengetahuan umum, bahawa kebanyakan orang Melayu, terutama di kampung-kampung pada masa lampau, mereka mempunyai anggapan bahawa pelajaran, khasnya pelajaran sekular adalah tidak penting bagi anak-anak perempuan. Tetapi sebaliknya memadailah kalau mereka hanya pandai mengaji Al-Quran dan taat malakukan suruhan ugama. Mereka berpendapat, walaupun anak-anak perempuan mempunyai pelajaran yang tinggi, mereka akan kedapur juga akhirnya. Ini adalah kerana memang tugas seorang wanita itu hanyalah duduk dirumah menjaga anak-anak dan suami. Oleh itu ibu bapa mengambil keputusan untuk tidak menghantar anak-anak perempuan mereka bersekolah. Akibatnya ramai diantara mereka yang buta huruf.

Oleh kerana keseluruhan kaum wanita yang tinggal di kampung Bukit Keledang ini juga merupakan mereka yang berasal dari kawasan kampung atau luar bandar, maka mereka ini bolehlah dianggap sebagai warisan masyarakat yang anti pelajaran sekular di masa lampau. Jadual di bawah dapat menunjukkan keadaan responden disegi taraf pelajaran yang mereka perolehi.

Jadual 3.4 - Taraf pendidikan responden

Taraf pendidikan	Bil. responden	Purata umur - th.	Peratus
Tidak bersekolah	17	48	50
Darjah 1 - 3	2	36	5.8
Darjah 3 - 6	6	33	17.6
Menengah Rendah	6	19	17.6
Menengah Tinggi	33	19	8.8
Jumlah	34		100

Berdasarkan kepada jadual 3.4 di atas, kebanyakan dari wanita yang tidak pernah bersekolah langsung dan bersekolah hingga setakat darjah tiga sahaja, adalah terdiri dari wanita-wanita separuh umur. Mereka ini merupakan lebih separuh dari responden pengkaji. Sementara itu wanita-wanita yang mempunyai pelajaran hingga ke taraf menengah pula adalah terdiri dari wanita-wanita yang boleh dikategorikan ke dalam golongan muda, iaitu generasi baru. Kebanyakan dari mereka adalah terdiri dari responden-responden yang belum berkahwin.

Bagi wanita-wanita yang telah berumahtangga pula, kebanyakan dari mereka menerima pendidikan yang lebih rendah jika dibandingkan dengan suami-suami mereka. Dengan lain perkataan, kadar buta huruf di kalangan para isteri adalah lebih tinggi berbanding dengan suami-suami mereka. Ini dapat ditunjukkan oleh jadual di bawah.

Jadual 3.5 - Taraf pendidikan isteri dan suami

Taraf pendidikan	Bil. isteri	Peratus	Bil. suami	Peratus
Tidak bersekolah	14	70	7	35
Darjah 1 - 3	2	10	4	20
Darjah 3 - 6	4	20	9	45
Jumlah	20	100	20	100

Nota: Bagi tujuan perbandingan, pengkaji mengambil 20 orang responden sahaja, kerana hanya golongan ini yang merupakan keluarga lengkap.

Dari jadual 3.5 di atas, kita dapat melihat bahawa kadar peratus isteri yang tidak bersekolah adalah lebih tinggi berbanding dengan suami-suami mereka, iaitu kira-kira dua kali ganda. Dari jadual 3.5 juga didapati kadar peratus buta huruf di kalangan isteri adalah sebanyak 70%, sementara di kalangan suami hanya 35% sahaja. Disamping itu taraf pelajaran yang diterima oleh kedua-dua isteri dan suami pula hanyalah setakat sekolah rendah sahaja. Tidak ada diantara mereka yang mencapai taraf hingga ke sekolah menengah. Dari itu jelaslah bahawa taraf pendidikan samada di kalangan wanita ataupun lelaki kampung ini adalah rendah.

(iv) Pekerjaan dan pendapatan responden

Akibat dari taraf pendidikan yang diterima oleh kebanyakan penduduk kampung yang rendah ini, maka ujud kesan sampingan yang lain iaitu berhubung dengan pekerjaan. Kebanyakan dari wanita kampung ini tidak

mempunyai kelayakan untuk bekerja makan gaji sebagai pekerja kolar putih. Mereka hanya boleh diterima bekerja sebagai buruh kasar atau pekerja kolar biru, yang mendapat upah secara gaji hari, iaitu ada kerja ada gaji.

Bagi mereka yang mempunyai kebun sendiri, mereka akan bekerja bagi membantu suami atau keluarga dan dengan itu mereka tidak akan menerima pendapatan yang tetap. Dalam hal ini, ujud masalah bagi mengira pendapatan bulanan responden, kerana kerja-kerja yang mereka lakukan tidak pernah mendapat ganjaran yang tetap. Disamping itu terdapat juga responden yang bergiat di bidang perniagaan dengan membuka warung makanan dan juga membuka kedai solek. Selain dari itu ramai juga diantara responden yang tidak bekerja samada kerana uzur ataupun bertugas sebagai suri rumah tangga se-penuh masa. Bagi menjelaskan kedudukan pekerjaan wanita-wanita yang menjadi responden sila lihat jadual di bawah.

Jadual 3.6 - Pekerjaan responden

Taraf pendidikan	Bil responden	Peratus
Tidak bekerja/uzur	6	17.6
Menuntut	2	5.9
Buruh	6	17.6
Berniaga	2	5.9
Menoreh getah/kerja sambilan	18	52.9
Jumlah	34	100

Dari jadual 3.6 di atas jelaslah bahawa sebahagian besar dari responden adalah bekerja sebagai penoreh getah atau khasnya membantu suami atau keluarga. Mereka ini tidak mempunyai pendapatan bulanan yang tetap malah kadang-kadang tidak mempunyai pendapatan langsung.

Bagi mereka yang bekerja sebagai buruh pula adalah meliputi kira-kira 17.6% dari responden. Mereka ini kebanyakannya bekerja di ladang getah kepunyaan syarikat Inggeris yang berhampiran. Bagi responden yang masih menuntut, mereka juga mempunyai tanggungjawab membantu keluarga yang biasanya dilakukan jika mereka tidak bersekolah.

Berhubung dengan pekerjaan yang dilakukan oleh responden, hanya 8 orang sahaja dari 34 orang responden yang mempunyai pendapatan tetap. Mereka ini adalah terdiri dari buruh dan juga mereka yang perniaga.

Jadual 3.7 - Pendapatan dari pekerjaan tetap responden

Pendapatan	Bil. responden	Peratus
\$100 - \$150	2	25
151 - 200	3	37.5
201 - 250	1	12.5
250	2	25
Jumlah	8	100

Dari jadual 3.7 di atas, didapati 37.5% responden yang mempunyai pendapatan tetap menerima pendapatan diantara \$151.00 hingga \$200.00 sebulan. Sementara golongan yang menerima pendapatan lebih dari \$250.00 sebulan adalah meliputi 25% dari responden yang berpendapatan tetap. Mereka ini adalah terdiri dari wanita-wanita yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

BAB IV

KEGIATAN WANITA DI BIDANG EKONOMI

Pada umumnya masyarakat berpendapat bahawa tenaga wanita samada yang telah ataupun belum berkahwin adalah diperlukan sepenuhnya didalam rumahtangga. Mereka menegaskan bahawa tanggungjawab seluruh wanita adalah terhadap rumahtangganya. Mereka menganggap, walaupun wanita menceburkan diri dalam bidang pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan, namun tanggungjawab terhadap rumahtangga tidak boleh diabaikan.

Walaupun begitu, hasil daripada kajian-kajian yang telah dijalankan dibeberapa buah negara, menunjukkan bahawa penglibatan wanita kealam pekerjaan, adalah semakin bertambah bilangannya. Ini adalah disebabkan oleh perubahan faktor sosio-budaya, yang menyebabkan juga perubahan peranan wanita. Ditinjau dari segi sikap mereka terhadap pekerjaan, sebahagian besar dari mereka mengatakan bahawa faktor utama mereka keluar bekerja adalah disebabkan oleh faktor kewangan. Mereka mengatakan sebab utama mereka keluar bekerja bukanlah untuk menyukarkan hati, tetapi terpaksa bagi menambah pendapatan. Dengan cara ini mereka akan dapat menolong meringankan beban keluarga.

Akibat dari keadaan ini, kita haruslah mengakui bahawa nafkah hidup bukan hanya dapat dicari oleh suami seorang, tetapi kini para isteri juga sekurangkurangnya telah membantu tugas tersebut:

"Bread-winning is no longer a monopoly of men, and home-making should no longer be the monopoly of women" (Alva Myrdal;1956:160)

Kaum wanita kini telah sama-sama bekerja bagi membantu keluarga dalam usaha untuk menambahkan pendapatan dan seterusnya meninggikan taraf hidup keluarga.

Jika para isteri telah sanggup menolong suami, mengapa pula para suami tidak boleh menolong isteri mereka. Dalam hal ini harus ada sikap bantu membantu diantara kedua-duanya bagi mengujudkan kesejahteraan rumah tangga. Tetapi bagi kebanyakan suami, jarang sekali mahu menolong isteri mereka mengurus rumah seperti, memasak makanan ataupun mencuci pakaian. Tambahan pula para isteri seringkali tidak mahu suami mereka menolong dalam melakukan kerja-kerja tersebut.

Akibat dari berbagai tugas dan peranan yang dimainkan ini, seringkali para isteri mengalami masalah yang melibatkan soal-soal masa dan tenaga. Dalam hal ini wanita harus pandai membahagi-bahagikan kedua-dua sumber ini supaya peranan-peranan mereka didalam dan diluar rumah tidak terjejas.

Berhubung dengan perkara diatas, pengkaji telah menjalankan kajian terhadap wanita-wanita pekebun kecil getah di kampung Bukit Keledang. Pengkaji telah meninjau kegiatan-kegiatan ekonomi yang mereka lakukan untuk menambahkan pendapatan keluarga. Hitung panjang pendapatan keluarga, penduduk di kampung ini ialah kira-kira \$220.00 sebulan. Kebanyakannya adalah hasil dari kegiatan suami atau bapa responden. Dengan kadar pendapatan yang sebanyak ini, mereka adalah merupakan golongan yang miskin. Oleh kerana pendapatan yang begitu rendah dan tanggungjawab terhadap keluarga adalah besar, maka adalah menjadi tugas anggota keluarga yang dewasa membantu meringankan beban tersebut.

Dalam kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati sebahagian besar responden telah melibatkan diri di bidang ekonomi. Kira-kira 82.3% dari responden telah terlibat di bidang pekerjaan sebagai buruh, bermiaga dan juga membantu suami atau keluarga menoreh getah dikebun-kebun kepunyaan keluarga sendiri. Ini ditunjukkan dalam jadual 3.6 bab 3.

Selain dari meninjau kegiatan ekonomi responden, pengkaji juga melihat kadar pendapatan responden hasil dari kegiatan-kegiatan tersebut. Jadual 4.1 menunjukkan kedudukan taraf pendapatan responden.

Jadual 4.1 - Taraf pendapatan responden

Pendapatan	Bil. responden	Peratus
0-50	19	55.9
51-100	2	5.9
101-150	5	14.7
151-200	4	11.8
201-250	2	5.9
lebih 250	2	5.9
Jumlah	34	100

Nota: Bagi taraf pendapatan diantara \$0-50 terdapat 18 orang responden yang tidak menghasilkan apa-apa pendapatan. Mereka ini bekerja hanya semata-mata membantu suami atau keluarga sahaja.

Bagi wanita yang telah berkahwin kegiatan ekonomi ^{mereka} yang paling-
 ialah membantu suami menoreh di kebun sendiri. Mereka ini tidak
 mempunyai sebarang pendapatan yang tetap. Walau bagaimanapun mereka
 memperolehi pendapatan hadil dari melakukan pekerjaan-pekerjaan
 sambilan seperti mengambil upah menjahit pakaian atau membuat kuih
 jualan. Sementara itu, wanita-wanita yang telah lanjut usianya pula,
 mungkin akan menerima bantuan dari anak-anak yang telah bekerja. Jadual
 dibawah menunjukkan kadar pendapatan yang diperolehi oleh wanita berbanding
 dengan suami mereka.

Jadual 4.2 - Pendapatan suami berbanding dengan isteri
 (sebulan)

Pendapatan	Bil. Suami	Peratus	Bil. isteri	Peratus
Tiada pendapatan/uzur	2	10	14	70
50-150	3	15	4	20
151-250	8	40	2	10
251-350	5	25	-	-
351-450	1	5	-	-
lebih 450	1	5	-	-
Jumlah	20	100	20	100

Berdasarkan kepada jadual 4.2, didapati kira-kira 70% daripada wanita yang bersuami tidak menerima sebarang pendapatan. Walaupun mereka bekerja, tetapi mereka tidak menerima sebarang upah, kerana tenaga mereka

dianggap sebagai membantu sahaja. Bagi mereka yang mempunyai pendapatan diantara \$50.00 hingga \$250.00 sebulan pula adalah terdiri dari mereka yang melakukan kegiatan-kegiatan ekonomi secara sambilan atau menerima bantuan dari anak-anak yang telah bekerja. Mereka ini biasanya menerima wang kiriman secara pos ataupun dihantar sendiri oleh anak-anak mereka yang bekerja di bandar-bandar seperti di Segamat dan juga di Johor Bahru.

Bagi memudahkan penganalisa^{an} kegiatan-kegiatan ekonomi wanita-wanita di kampung Bukit Keledang, pengkaji telah membahagikan kegiatan-kegiatan mereka kepada kegiatan ekonomi pertanian dan bukan pertanian.

1. Kegiatan pertanian

Dalam usaha untuk menambahkan pendapatan dan seterusnya dapat menolong meringankan tanggungan keluarga, kaum wanita dikampung ini telah melibatkan diri dalam beberapa aspek kegiatan ekonomi yang berbentuk pertanian seperti menoreh getah, bekebun sayur dan menternak haiwan.

Sebahagian besar dari penduduk kampung ini terlibat dengan penghasilan getah, walaupun mereka tidak mempunyai tanah sendiri. Mereka akan mengambil upah menoreh getah orang lain dengan cara membahagi dua. Di samping itu ada juga responden yang terlibat dengan pekerjaan sebagai buruh diladang getah yang berhampiran dengan kampung ini.

Bagi wanita yang mempunyai kebun getah sendiri, yang biasanya diatas nama suami, mereka ini bekerja sebagai tenaga bantuan yang utama. Tenaga mereka masih diperlukan, walaupun ada anak-anak yang dapat membantu. Dalam hal ini para isteri bolehlah dianggap sebagai tangan kanan suami.

Wanita-wanita yang terlibat ini akan keluar menoreh bersama-sama suami dan anak-anak yang tidak bersekolah, diwaktu pagi-pagi lagi. Sebelum itu mereka harus bangun terlebih awal untuk menyediakan sarapan pagi. Setelah pokok getah siap ditoreh dengan menggunakan pisau toreh, mereka juga bertanggungjawab untuk mengumpulkan susu getah kedalam baldi. Kemudian mereka terpaksa pula mengandar susu getah tersebut kekilang yang berhampiran untuk diproses. Sebenarnya, dalam melakukan kerja-kerja ini, bukan wanita seorang sahaja yang melakukannya, tetapi bersama-sama dengan suami mereka. Kadangkala, anak-anak yang telah besar juga disuruh membantu melakukan kerja-kerja ini.

Seringkali juga terdapat keadaan dimana kaum wanita terpaksa, mengangkut susu getah yang terkumpul tadi dalam jarak yang jauh untuk sampai kekilang memproses. Memandangkan kepada kerja-kerja yang meletihkan ini, mereka akan berihat diantara masa menoreh dan memungut susu. Masa ini juga dikenali sebagai masa "membangkit". Biasanya masa rihat ini tidak digunakan untuk berihat dalam erti kata yang sebenar, tetapi sebaliknya digunakan untuk mengemas rumah ataupun bersarapan untuk kali keduanya.

Dalam peringkat seterusnya, susu getah yang telah dikumpul tadi itu, akan diproses untuk menjadikannya getah keping. Ini melibatkan beberapa proses. Mula-mula susu getah tersebut akan dibekukan dengan menyampurkan dengan cuka getah. Kemudian ia akan dikeluarkan dari takungan dan dinipiskan dengan menggunakan penorak daripada kayu ataupun menginjaknya. Selepas itu ia akan dinipiskan lagi dengan menggunakan mesen licin. Akhirnya kepingan-kepingan ini akan dinipiskan dengan menggunakan mesen bunga. Akhirnya getah-getah tersebut akan dijemur

dipanas matahari dan seterusnya disalai.

Bagi penduduk-penduduk kampung Bukit Keledang, mereka tidak mempunyai rumah salai yang khas bagi getah-getah yang ingin dikeringkan. Tetapi mereka akan menyidaikannya di bahagian dapur rumah mereka. Oleh yang demikian haba dan asap yang dikeluarkan apabila mereka memasak makanan, akan dapat menolong mempercepatkan lagi proses pengeringan getah-getah keping ini. Getah keping yang cukup kering akan bewarna coklat tua, dan diperingkat ini ia telah sedia untuk dijual. Walau bagaimanapun terdapat gred-gred yang berbeza berdasarkan kepada tingkat kekeringannya.

Bagi mereka yang mengambil upah menoreh getah secara bahagi dua pula, mereka juga melakukan kegiatan-kegiatan yang sama dengan wanita yang menoreh dikebun sendiri. Mereka terpaksa memproses hasil getah tersebut dan menjualkannya. Hasil daripada jualan inilah yang dibahagi dua, iaitu diantara pengusaha dengan tuan punya kebun.

Selain dari menoreh getah, kaum wanita di kampung ini juga terlibat dengan lain-lain kegiatan ekonomi pertanian yang kebanyakannya berkisar disekitar rumah tangga. Mereka menanam sayur-sayuran dan juga memelihara binatang-binatang ternakan. Oleh kerana kampung ini terletak jauh dari pekan serta tidak ada alat pengangkutan yang tetap, maka mereka sukar untuk mendapat bekalan bahan-bahan makanan segar dari pasar.

Bagi mengatasi masalah ini kaum wanita telah cuba mengusahakan kebun-kebun sayur disekitar rumah mereka. Jenis sayur yang sejng ditanam ialah terung, kacang panjang, kangkung dan cili. Walau bagaimanapun

kegiatan ini memerlukan pengawasan yang rapi. Selain dari memastikan bekalan air dan baja yang mencukupi, tanam-tanaman ini juga harus dijaga dari serangan berukera yang berkeliaran di kampung ini sepanjang masa diwaktu siang hari.

Di samping itu, kaum wanita di kampung ini juga terlibat dengan kegiatan menternak binatang seperti ayam-itik, kambing dan lembu. Dalam hal ini, pengkaji mendapati kebanyakan dari rumah tangga di kampung ini ada memelihara ayam, sekurang-kurangnya 5 ekor. Tujuan utama haiwan ini dipelihara ialah untuk kegunaan sendiri dan tidak untuk tujuan pasaran. Walau bagaimanapun jika mereka mempunyai banyak peliharaan dan memerlukan wang, kemungkinan mereka akan menjualkannya. Di samping itu ayam juga digunakan sebagai hadiah, pemberian kepada jiran atau saudaramara yang ingin mengadakan kenduri. Ayam dan itik juga dapat membekalkan telor kepada mereka yang kadang-kala akan dijual jika jumlahnya lebih dari yang mereka perlukan. Telor ayam juga merupakan bahan yang sentiasa mempunyai permintaan. Orang lebih menyukai telor ayam kampung daripada telor ayam biasa kerana ia dikatakan lebih berkhasiat.

Faktor lain yang menyebabkan lebih ramai orang yang memelihara ayam jika dibandingkan dengan binatang-binatan ternakan yang lain, ialah kerana haiwan ini tidak memerlukan penjagaan yang rapi. Ia boleh dilepaskan diwaktu sianghari untuk mencari makan sendiri tanpa pengawasan yang teliti. Selain dari itu bahan-bahan makanan yang berlebihan seperti nasi sejuk boleh juga diberikan sebagai makanan kepada ayam-ayam ini. Di samping itu, pemeliharaan ini juga dapat menjimatkan ekonomi keluarga, kerana tidak perlu membeli dari orang lain, jika ia diperlukan.

Di samping membela ayam, terdapat juga sebilangan kecil penduduk yang memelihara kambing dan lembu. Dalam kegiatan menternak kambing, tugas wanita hanyalah memastikan haiwan tersebut diasapi pada waktu malam bagi menjauhkannya dari serangan nyamuk. Tugas memberi makan biasanya dilakukan oleh para suami atau anak-anak yang telah dewasa.

Dalam kegiatan menternak lembu pula biasanya tanggungjawab memberi lembu-lembu ini makan adalah merupakan tanggungjawab wanita. Mereka akan membawa lembu-lembu ini ketempat dimana ada rumput yang baik dan mengikatkan lembu-lembu tersebut di kawasan ini. Biasanya tugas membawa lembu makan dilakukan dalam pukul 10.00 atau 11.00 pagi. Kemudian mereka juga harus mengambil lembu-lembu tersebut untuk dibawa pulang kekandang, disebelah petang. Biasanya mereka yang terlibat dengan pemeliharaan ini adalah merupakan mereka yang tidak bergiat dengan kerja-kerja menoreh getah. Mereka ini mendapat benih-benih lembu dari Jabatan Pertanian di bawah Sistem Pawah. Selain dari itu ada juga yang memelihara lembu-lembu orang lain dengan cara membahagi dua.

Berdasarkan kepada keadaan diatas, bolehlah dikatakan bahawa peranan wanita kini telah berubah. Peranan yang mereka mainkan tidak lagi terhad dalam lingkungan rumahtangga, iaitu menjaga serta mengasuh anak sahaja. Tetapi mereka turut terlibat dan memberi sumbangan kepada keluarga dari segi pendapatan. Oleh itu apa yang disarankan oleh tokoh-tokoh yang menggunakan pendekatan biologi seperti Ford adalah tidak menepati dalam konteks ini.

Bagi wanita-wanita pekebun kecil di Bukit Keledang, peranan mereka

mainkan adalah lebih menepati dengan apa yang disarankan oleh Holter (1975) bahawa peranan wanita akan berubah mengikut perubahan yang berlaku disekitar mereka. Sungguhpun begitu dalam konteks masyarakat pekebun kecil di kampung ini, saranan Holter yang mengatakan perubahan peranan wanita disegi ekonomi adalah disebabkan oleh pencapaian mereka di bidang pelajaran, adalah tidak tepat. Ini adalah kerana taraf pelajaran wanita di Bukit Keledang tidak tinggi. Tambahan pula kegiatan-kegiatan ekonomi yang mereka lakukan itu pula, tidak memerlukan taraf pelajaran yang tinggi.

Perubahan peranan wanita di kampung ini adalah lebih terhad jika dibandingkan dengan wanita-wanita di negara-negara Barat seperti yang dikaji oleh Holter. Walaupun wanita dikampung ini bergiat dengan kegiatan-kegiatan ekonomi diluar rumah tetapi tugas ini adalah merupakan suatu kewajipan yang harus dilaksanakan. Sedangkan kebanyakan wanita yang terlibat dengan pekerjaan di negara-negara Barat adalah disebabkan oleh taraf pencapaian mereka yang tinggi di bidang pelajaran. Oleh itu mereka merasa perlu untuk bekerja supaya segala apa-apa yang mereka pelajari dapat digunakan kembali.

Dalam melakukan kegiatan ekonomi yang bercorak pertanian di kampung ini, para isteri merupakan tenaga pembantu yang utama bagi suami. Oleh kerana tugas mereka hanya sebagai pembantu, maka wanita-wanita di kampung ini masih mempunyai tugas dan tanggungjawab yang utama, iaitu mendidik anak serta melayan kehendak-kehendak suami. Berhubung dengan keadaan ini, saranan Hedges dan Barnet yang mengatakan kaum wanita yang bekerja, memerlukan lebih banyak masa bagi menguruskan tugas-tugas

rumah tangga, berbanding dengan suami-suami mereka, adalah menepati keadaan wanita-wanita di kampung ini.

Kaum wanita terpaksa menguruskan rumah tangga yang merupakan suatu pekerjaan yang tiada pernah selesai. Jika mereka keluar bekerja diwaktu pagi, maka diwaktu petang pula mereka akan memasak makanan, mencuci pakaian dan menguruskan anak-anak. Penjagaan terhadap anak-anak tidak akan berhenti selagi mereka belum tidur dan tugas ini berlanjutan hingga kewaktu malam. Tugas wanita menjadi lebih teruk lagi jika anak-anak masih kecil dan memerlukan perhatian yang lebih. Kadangkala waktu malam juga digunakan oleh wanita ini untuk membuat kerja-kerja yang belum selesai seperti menjahit pakaian atau menampal pakaian yang koyak. Wanita juga terpaksa mengambil berat tentang pelajaran anak-anak dan memastikan mereka supaya belajar. Tugas ini akan bersambung pada keesukan harinya dan berterusan.

2. Kegiatan bukan pertanian

Di samping melakukan kegiatan-kegiatan yang bercorak pertanian, kaum wanita juga turut terlibat dengan kegiatan-kegiatan ekonomi yang bercorak bukan pertanian. Kegiatan ini dilakukan samada secara tetap ataupun sambilan.

(a) Kegiatan ekonomi secara tetap

Wanita yang bergiat di bidang ekonomi secara tetap dapat dibahagikan kepada dua golongan, iaitu wanita yang bekerja sebagai buruh di ladang getah yang berhampiran dan juga wanita yang menjalankan

perniagaan.

Bagi wanita yang bekerja sebagai buruh, tugas mereka adalah seperti pekerja-pekerja buruh yang lain. Bagi masyarakat setempat kerja buruh ini dikenali juga sebagai "kusi kong", mereka terpaksa datang awal diwaktu pagi untuk mendaftarkan diri dan pulang pada pukul 2 atau 3 petang. Mereka mendapat bayaran secara gaji hari yang berdasarkan pada kedatangan mereka. Ini bererti kalau ada kerja ada gaji. Bagi responden yang terlibat dengan pekerjaan ini, pendapatan mereka dianggarkan, diantara \$150.00 sebulan hingga \$180.00 sebulan. Dari data-data yang ditunjukkan ini jelaslah bahawa mereka adalah tergolong dalam golongan yang miskin. Oleh itu mereka terpaksa bekerja walaupun dengan kadar gaji yang rendah, bagi menampung pendapatan keluarga.

Kebanyakan dari mereka yang terlibat di bidang perburuhan ini adalah terdiri dari gadis-gadis, wanita-wanita yang telah menjadi janda, serta wanita-wanita yang mempunyai suami yang telah uzur. Oleh itu tanggungjawab sebagai "bread-winner" telah beralih kepada kaum wanita. Jadi saranan golongan biologi yang mengatakan hanya kaum lelaki sahaja yang boleh menjadi "bread-winner" sementara kaum wanita tinggal dirumah menjaga anak sudah tidak tepat lagi dalam konteks masyarakat kampung Bukit Keledang ini.

Selain dari menjadi buruh, ada juga diantara wanita yang tinggal di-kampung ini menceburkan diri di bidang perniagaan. Kegiatan perniagaan yang mereka lakukan adalah berniaga makanan diwarung dan membuka kedai solek. Dari kajian yang telah dijalankan hanya 5.8% dari responden yang

bergiat di bidang ini. Mereka ini boleh dikatakan mendapat pendapatan yang lumayan jika di bandingkan dengan lain-lain kegiatan ekonomi dikampung ini. Purata pendapatan bulanan mereka ialah \$800.00 sebulan. Kesemua mereka yang melibatkan diri di bidang ini secara tetap adalah terdiri dari anak-anak gadis. Bagi responden yang mempunyai suami, mereka tidak dapat bergiat di bidang ini secara tetap, kerana masa mereka adalah terhad. Mereka harus mengurus anak dan rumahtangga serta membantu suami membuat kerja-kerja disekitar rumah. Selain dari itu para suami juga tidak menggalakkan isteri-isteri mereka meninggalkan rumah sepanjang hari, semata-mata untuk mencari wang.

Bagi responden yang terlibat di bidang perniagaan ini, biasanya mereka akan membuka perniagaan pada waktu pagi dan menutupnya pada waktu petang. Mereka tidak menjalankan perniagaan diwaktu malam kerana terpaksa pulang kerumah. Perniagaan-perniagaan ini pula dijalankan di bandar-bandar iaitu di Pekan Jementah dan di bandar Segamat. Bagi wanita yang menjalankan kegiatan ini, mereka tidak menghadapi masalah masa untuk mengurus rumahtangga. Ini adalah kerana mereka masih bujang, dan urusan rumahtangga dilakukan oleh ibu-ibu mereka. Dalam hal ini, saranan yang diberikan oleh golongan biologi tidak lagi menepati keadaan. Anak-anak gadis (wanita) tidak lagi terkurung dirumah menguruskan rumahtangga, tetapi sebaliknya mereka telah diberi kebebasan, untuk melakukan kerja-kerja diluar rumah.

(b) Kegiatan ekonomi secara sambilan

Kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh wanita dikampung ini tidak

sahaja terhad dalam kegiatan-kegiatan ekonomi secara tetap. Mereka tidak membuang masa dengan percuma. Jika ada masa terluang, mereka akan melakukan kerja-kerja sambilan yang boleh mendatangkan pendapatan. Misalnya mereka akan membuat kuih-muih untuk jualan, mengambil upah menjahit pakaian ataupun membuat ubat-ubat tradisional bagi ibu-ibu yang melahirkan anak.

Bagi wanita yang membuat kuih untuk jualan, kegiatan ini dilakukan diwaktu petang dan malam. Ini adalah kerana kuih-kuih ini akan dijual pada keesukan harinya, dan kuih-kuih ini pula adalah jenis kuih yang tidak boleh disimpan lama. Dengan lain perkataan, mereka ini membuat "kuih-kuih basah". Biasanya mereka tidak menjual kuih-kuih tersebut didalam kampung ini sendiri, tetapi sebaliknya, menjualkannya dikampung-kampung yang berhampiran iaitu di Ladang Welch. Dalam melakukan perniagaan ini biasanya mereka tidak menggunakan sebarang kenderaan, tetapi berjalan kaki dari rumah kerumah. Kadang-kadang mereka terpaksa pulang lewat petang untuk menghabiskan jualan.

Bagi penjual-penjual kuih ini, masalah yang sering mereka hadapi ialah masalah orang berhutang. Kebanyakan dari pembeli suka berhutang. Jika mereka tidak diberi hutang sudah tentu jualan kuih tidak laku. Oleh itu wanita-wanita ini terpaksa memberi jika ^{ada} pembeli ~~ada~~ yang ingin berhutang. Tetapi timbul pula masalah lain, iaitu mereka yang berhutang ini selalunya suka melambat-lambatkan pembayaran, jika tidak selalu didesak.

Tidak kurang juga yang pura-pura lupa dan langsung tidak membayarnya. Walau bagaimanapun golongan seperti ini tidaklah begitu ramai jumlahnya. Walaupun pekerjaan ini teruk, kerana terpaksa berjalan jauh tetapi bagi

wanita-wanita yang terlibat, tidak ada jalan lain lagi bagi mereka untuk mencari nafkah hidup.

Kerja-kerja sambilan lain yang dilakukan oleh wanita dikampung ini ialah menjual kain dan membuat ubat-ubat tradisional. Bagi wanita yang menjual kain, mereka mendapat langganan dari orang kampung itu sendiri melalui cara berhutang. Pembayaran dilakukan secara beransur-ansur pada tiap-tiap bulan. Walaupun kegiatan ini menguntungkan tetapi keuntungan itu tidak dapat dilihat nyata. Ini adalah kerana pembayaran yang dilakukan secara beransur-ansur tidak membolehkan wanita yang terlibat melihatberapa banyak hasil keuntungan yang diperolehnya dalam satu-satu jangka masa.

Bagi wanita yang membuat ubat-ubat tradisional pula, pembuatan ubat-ubat ini bergantung kepada tempahan. Biasanya tempahan datang dari penduduk-penduduk kampung ini sendiri. Ini adalah kerana jika ia dibuat tanpa tempahan, dikhuatiri tidak ada sesiapa yang ingin membelinya. Ramuan bagi membuat ubat-ubat ini sebahagianya boleh didapati secara percuma seperti akar dan daun-daun kayu. Tetapi sebahagian daripada ramuan-ramuan ini terpaksa juga dibeli, misalnya "ibu ubat" dan lain-lain bahan lagi.

Hasil dari kajian, pengkaji mendapati ada juga wanita dikampung ini yang pandai menjahit pakaian. Tempahan yang sering mereka terima biasanya datang dari jiran-jiran yang tinggal sekampung. Pakaian yang sering dijahit ialah baju kurung yang memerlukan jahit tangan dibeberapa bahagian tertentu. Untuk melakukan kerja ini, memerlukan ketelitian dan

ketekunan. Oleh sebab itulah ramai dari wanita-wanita yang mempunyai anak dan yang melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan di luar rumah, lebih gemar mengupahkannya kepada orang lain. Di samping itu mungkin juga kerana mereka tidak mempunyai mesen jahit atau tidak tahu menjahit. Oleh sebab itu mereka lebih suka mengupahkannya kepada orang lain untuk melakukannya.

Walaupun ada pendapat yang mengatakan dalam melakukan kerja-kerja rumahtangga, wanita tidak mempunyai masa terluang yang panjang tetapi sebenarnya mereka menggunakan masa luang tersebut dengan melakukan kerja-kerja yang boleh mendatangkan pendapatan. Ini jelas seperti mana yang dilakukan oleh wanita-wanita di kampung Bukit Keledang ini.

Bagi kebanyakan wanita di kampung ini tugas mereka bukan sahaja mengurus rumahtangga dan menjaga anak-anak tetapi juga bersama-sama suami bergiat di bidang ekonomi. Di samping itu, mereka tidak pula membiarkan anak-anak mereka tanpa jagaan kerana penglibatan mereka kealam pekerjaan, seperti yang dianggap oleh masyarakat:

"There are no grounds for the belief that child neglect is the necessary result of the employment of mothers"
(Amstrong;1979:132)


Keadaan ini jelas melalui pengalaman pengkaji, kerana tidak ada anak-anak yang terbiar dengan disebabkan oleh penglibatan wanita di bidang ekonomi diluar rumah.

Jadi, dalam hal ini jelaslah bahawa kaum wanita di kampung Bukit Keledang dapat membahagi-bahagikan masa diantara tugas-tugas

rumah tangga dengan kegiatan-kegiatan luar rumah. Walaupun mereka sibuk dengan tugas-tugas didalam rumah tangga, tetapi mereka masih mempunyai masa untuk bergerak dalam kegiatan-kegiatan yang boleh menghasilkan pendapatan, bagi meninggikan taraf ekonomi keluarga.



Atas: seorang gadis sedang menoreh getah
di waktu pagi.



Atas: seorang gadis sedang menoreh getah
di waktu pagi.



Atas: seorang ibu dan anak sedang membekukan getah di dalam takungan

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI



Atas: seorang ibu dan anak sedang membuat getah keping dengan menggunakan mesen tanpa bunga.

BAB V

KEGIATAN WANITA DI BIDANG SOSIAL

Kita tidak dapat menafikan anggapan masyarakat, yang berpendapat bahawa isteri yang sempurna, ialah isteri yang dapat menunaikan tanggungjawab mereka dengan lengkap didalam rumah tangga, seperti memasak makanan, mencuci pakaian, berkemas rumah dan juga menjaga anak-anak. Tegasnya, mereka berpendapat bahawa:"

"Women who has a home engages in 'home making'",
(Eli Ginzberg; 1966:59)

Keadaan ini menjelaskan, bahawa tanggungjawab wanita yang utama sekali adalah terhadap rumah tangga. Pembahagian tugas seperti ini adalah semata-mata untuk mengujudkan kedamaian dan kesejahteraan didalam sesebuah rumah tangga.

Walau bagaimanapun apa yang nyata terdapat pada hari ini, ialah keadaan peranan yang dimainkan oleh wanita telah berubah. Mereka mempunyai kebebasan yang lebih dari apa yang telah didapati oleh wanita-wanita sebelum mereka, dalam memilih peranan yang ingin dimainkan. Mereka bukan sahaja telah bergiat di bidang ekonomi, tetapi juga telah turut melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sosial yang dianjurkan oleh masyarakat. Berhubung dengan keadaan ini, satu kajian telah dilakukan terhadap wanita-wanita di kampung Bukit Keledang.

Dari kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa wanita-wanita dikampung ini telah turut melibatkan diri dalam kegiatan-

kegiatan sosial yang ada di kampung ini, samada kegiatan yang dilakukan secara formal ataupun informal. Di samping menunaikan tanggung-jawab terhadap keluarga dan rumah tangga, kaum wanita di kampung ini juga masih mempunyai masa untuk turut serta dalam kegiatan-kegiatan sosial yang diadakan. Berhubung dengan itu terdapat tiga bentuk kegiatan sosial di kampung ini yang dilakukan secara formal. Kegiatan-kegiatan itu ialah Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK), UMNO dan Belia.

1. Kegiatan secara formal

Kegiatan ini dilakukan secara perkumpulan atau persatuan. Ciri yang nyata bagi kegiatan-kegiatan jenis ini ialah, ia mempunyai institusi yakni struktur keahlian dan juga mempunyai masa kegiatan yang tertentu misalnya seminggu atau dua minggu sekali. Dari kajian yang telah dibuat, kebanyakannya dari responden yang ditemui telah melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sosial yang ada di kampung ini. Jadual 5.1 dapat menjelaskan kegiatan responden di bidang tersebut.

Jadual 5.1 - Kegiatan Responden Di bidang Sosial secara formal

Kegiatan Sosial	Bil. resp yang libatkan diri	Purata umur	Pera-tus	Bil. resp tidak libatkan diri	Purata umur	Pera-tus	Jumlah
PWPK	21	32.8	61.8	13	45.7	38.2	34
UMNO	25	43	73.5	9	22.6	26.5	34
BELIA	5	20.2	14.7	29	40.6	85.3	34

Kesan yang paling nyata yang boleh didapati dari jadual 5.1 ialah keadaan "over-lapping" yang ujud berhubung dengan kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh responden. Ini adalah kerana, kebanyakan dari responden menjadi ahli lebih dari satu kegiatan sosial yang terdapat di kampung ini. Misalnya, seorang responden mungkin menjadi ahli PWPK dan UMNO dalam satu masa yang sama.

Berdasarkan kepada jadual 5.1 didapati golongan yang ramai terlibat didalam kegiatan PWPK adalah terdiri dari golongan muda yang mempunyai purata umur 32.8 tahun. Sedangkan golongan tua yang mempunyai purata umur 45.7 tahun tidak melibatkan diri didalam kegiatan ini. Bagi kegiatan UMNO pula, golongan yang ramai melibatkan diri adalah terdiri dari golongan tua, dengan purata umur 43 tahun. Sementara golongan yang tidak terlibat pula kebanyakannya terdiri dari golongan muda.

Bagi kegiatan Belia pula golongan yang ramai menjadi anggotanya adalah terdiri dari golongan muda, dengan purata umur 20.2 tahun. Sedangkan golongan yang berumur 40.6 tahun telah tidak melibatkan diri dalam kegiatan ini.

Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa faktor umur memainkan peranan penting dalam menentukan corak kegiatan sosial yang dilakukan secara formal oleh wanita-wanita di kampung-kampung ini.

(i) Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK)

Perkumpulan ini dianggotai sepenuhnya oleh wanita-wanita pekebun kecil getah yang tinggal di kampung Bukit Keledang. Walaupun begitu ada juga diantara penduduk kampung ini yang tidak menjadi ahli perkumpulan. Jadual 5.1 menunjukkan sebanyak 61.8% daripada responden telah melibatkan diri dalam kegiatan ini. Mereka terdiri dari wanita-wanita yang boleh digolongkan kedalam golongan muda berdasarkan kepada purata umur mereka iaitu 32.8 tahun. Sedangkan sebanyak 38.2% yang tidak melibatkan diri dalam kegiatan ini adalah terdiri dari golongan responden yang mempunyai purata umur 45.7 tahun.

Bagi wanita-wanita yang tidak melibatkan diri dalam kegiatan ini, mereka mempunyai beberapa alasan yang tertentu. Alasan yang biasa diterima ialah kerana suami mereka tidak melibatkan diri dalam kegiatan Pusat Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Getah (PPPK) yang di anjurkan oleh RISDA. Ini bererti mereka tidak menjualkan hasil-hasil getah mereka kepada pihak RISDA tetapi sebaliknya akan menjualkan hasil mereka kepada orang tengah yang biasanya terdiri dari taukeh-taukeh cina di Pekan Jementah.

Selain dari itu ada juga responden yang mengatakan sebab mereka tidak terlibat dalam kegiatan ini ialah kerana faktor urusan rumahtangga dan menjaga anak. Oleh itu mereka tidak mempunyai masa untuk bergiat. Di samping itu tidak kurang juga responden yang mengatakan faktor jarak

menyebabkan mereka tidak berminat untuk bergiat dalam kegiatan ini.

Oleh kerana Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil bagi kawasan kampung Bukit Keledang ini, terletak dibahagian atas bukit, maka bagi mereka yang tinggal dibawah bukit atau di kebun-kebun yang baru dibuka, merasa agak keberatan untuk pergi kerana jarak yang agak jauh. Ini adalah kerana kurangnya pengangkutan yang sesuai dan mereka terpaksa berjalan kaki. Basikal tidak begitu sesuai kerana terpaksa mendaki bukit yang agak tinggi, sementara penggunaan motorsikal pula agak terhad kerana bukan sahaja tiada kemahiran untuk menggunakannya, tetapi juga mereka tidak mempunyai alat pengangkutan tersebut.

Walaupun begitu masih ramai wanita-wanita yang ingin menjadi ahli, dan mereka dikenakan bayaran sebanyak \$1.00 sebagai yuran pendaftaran. Kemudian mereka akan dikenakan yuran bulanan sebanyak 30 sen sebulan. Tetapi dari pengalaman pengkaji, ramai diantara ahli-ahli yang berdaftar ini tidak membayar yuran bulanan mereka. Ini mungkin disebabkan oleh keadaan persatuan yang belum begitu kemas tersusun, kerana ia baru sahaja ditubuhkan pada bulan Mac 1980. Walau bagaimanapun sambutan terhadap perkumpulan ini agak menggalakkan, berdasarkan kepada kadar penyertaan wanita-wanita dikampung ini.

Kegiatan utama yang dilakukan oleh wanita dalam PWPK ialah menjayakan projek ekonomi. Dalam projek ini ahli-ahli PWPK bergotong royong membuat mee basah dan mee siput (kering). Bagi menjayakan projek ini pihak RISDA telah memberi bantuan berupa alat-alat dan bahan-bahan mentah seperti tepung, ubat penaik dan lain-lain. Tetapi bantuan bahan-bahan mentah ini hanya diberi pada peringkat permulaan kegiatan ini

dijalankan. Kemudian apabila mee tersebut siap diproses dan dijual, modal pokok akan dibayar kembali, sementara untungnya akan dijadikan modal dalam perusahaan ini selanjutnya. Jika mereka mendapat untung dalam penjualan-penjualan yang selanjutnya, untung ini akan dimasukkan kedalam tabung persatuan PWPK.

Bagi wanita-wanita yang menjadi ahli, mereka bergotong royong membuat mee tanpa mendapat sebarang upah, tetapi adalah secara sukarela. Biasanya kerja-kerja ini dilakukan seminggu sekali. Tetapi jika mereka menerima tempahan yang banyak, mereka akan membuatnya selama beberapa hari dalam seminggu. Wanita-wanita ini akan memulakan kerja-kerja membuat mee tersebut pada waktu pagi dan cuba menyelesaiannya pada sebelah petang. Oleh kerana hingga kesaat kajian ini dijalankan, tidak ada bangunan khas untuk menjalankan kegiatan ini, maka mereka telah menumpang dirumah salah seorang responden yang menjadi ahli PWPK.

Dalam proses penjualan, tidak ada langganan tetap yang mereka terima. Oleh itu ahli-ahli yang terlibat terpaksa bekerjasama menjualkan mee-mee yang telah diproses itu. Jika mereka membuat mee basah, bermakna mereka harus menjualkannya dengan segera kerana mee jenis ini tidak tahan lama. Tetapi jika mereka membuat mee siput (kering), mereka akan menjualkannya jika mee tersebut telah dibuat dengan banyaknya. Kadang-kadang mee jenis ini mendapat tempahan dari syarikat kecil. Walau pun begitu hingga setakat kajian ini dilakukan, pesanan dari luar tidak begitu mengalakkkan.

Segala keuntungan yang didapati hasil dari penjualan mee ini akan dimasukkan kedalam tabung PWPK. Oleh kerana kegiatan ini tidak

mendapat ganjaran dalam bentuk upah. Maka ramai diantara ahli-ahli PWPK yang tidak turut serta untuk membuat mee-mee ini. Tambahan pula, keuntungan yang didapati tidak pula diberikan kepada orang perseorangan, tetapi dikongsi bersama iaitu dengan memasukkannya kedalam tabung perkumpulan. Keadaan ini mengujudkan rasa tidak puas hati dikalangan setengah-setengah ahli yang cergas bergiat. Memandangkan pada keadaan inilah, mereka mencadangkan supaya diberi upah kepada mereka yang terlibat. Walau bagaimanapun ini bergantung kepada kedudukan kewangan pertubuhan, yang mana hingga kesaat kajian dijalankan, ianya selalu sahaja mengalami kemelesetan.

Kebanyakan wanita yang terlibat dibidang kegiatan ini adalah terdiri dari gadis-gadis dan juga wanita-wanita yang mempunyai anak. Tetapi ada juga wanita-wanita yang mempunyai anak mengatakan bahawa mereka tidak ada masa untuk bergaul dengan masyarakat. Walau bagaimanapun dari hasil kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati perbezaan bilangan anak diantara wanita-wanita yang terlibat dalam PWPK dengan mereka yang tidak terlibat, adalah tidak begitu ketara. Jadual dibawah dapat menjelaskan keadaan ini.

Jadual 5.2 - Penyertaan wanita yang mempunyai anak dalam PWPK

Taraf Kegiatan	Bilangan ibu	Purata bilangan anak
Giat	12	6.6
Tidak giat	11	7.2
Jumlah	23	-

Dari jadual 5.2 diatas, didapati purata bilangan anak wanita-wanita yang melibatkan diri dalam PWPK adalah seramai 6.6 orang. Sementara mereka yang tidak begiat pula seramai 7.2 orang. Jadi dalam hal ini, bagi wanita-wanita yang ingin bergiat, faktor bilangan anak yang ramai tidak menjadikan masalah kepada mereka. Sedangkan wanita-wanita yang tidak mahu bergiat pula, faktor anak menjadi halangan untuk mereka giat didalam PWPK.

(ii) UMNO

UMNO merupakan parti yang berkuasa dikampung ini sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1969. Boleh dikatakan, keseluruhan penduduk kampung Bukit Keledang menjadi ahli kepada pertubuhan ini. Seterusnya mereka telah menubuhkan cawangan dalam parti tersebut yang dianggotai oleh wanita, dan dikenali sebagai pertubuhan wanita UMNO. Mereka yang menjadi ahli akan dikenakan yuran tahunan sebanyak \$1.00 setahun.

Dari jadual 5.1, menunjukkan sebanyak 73.5% daripada responden telah melibatkan diri dalam kegiatan ini. Purata umur responden yang terlibat ialah 43 tahun. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka bergiat dalam kegiatan ini adalah terdiri dari golongan tua. Sementara 26.5% responden yang tidak melibatkan diri dalam UMNO adalah terdiri dari responden yang mempunyai purata umur 22.6 tahun. Dari data-data ini, jelaslah bahawa golongan muda tidak begitu ramai yang melibatkan diri dalam kegiatan ini. Ini mungkin disebabkan olehnya syarat-syarat kemasukan kedalam parti, iaitu hanya warganegara yang berumur 21 tahun keatas sahaja yang boleh mendaftar sebagai ahli.

Pertubuhan wanita UMNO ini mempunyai ahli yang ramai jika dibandingkan dengan lain-lain kegiatan sosial yang ada dikampung ini. Oleh sebab itu, pertubuhan ini mempunyai lebih banyak kegiatan-kegiatan sosial yang mereka lakukan, berbanding dengan PWPK. Melalui Pertubuhan Wanita UMNO, wanita-wanita dikampung ini telah menubuhkan kumpulan membaca yasin, mengadakan "pakat kahwin", "pakat berangkat" dan juga "pakat telor".

Majlis membaca yasin, yang dianggotai oleh wanita biasanya dilakukan disurau kampung ini pada tiap-tiap petang, hari Jumaat. Di-samping membaca yasin, mereka juga akan mendirikan sembahyang 'Asar secara berjemaah. Sebelum majlis tersebut dimulakan, biasanya wanita-wanita ini akan bergotong royong membersihkan surau. Majlis ini bukan sahaja dapat mengeratkan ikatan perhubungan diantara mereka tetapi juga dapat digunakan sebagai tempat untuk membincangkan sesuatu persoalan yang ujud dikampung ini, yang berlaku dalam kehidupan mereka sehari-hari. Kadang-kadang perjumpaan dimajlis ini juga digunakan untuk "menjemput" orang kampung menghadiri kenduri yang akan mereka adakan. Dengan cara ini juga mereka yang terlibat dapat menjimatkan masa untuk bertemu bagi membuat jemputan, kerumah kawan-kawan atau saudara mara dikampung ini,

Selain dari majlis membaca yasin, Pertubuhan Wanita UMNO juga menubuhkan "pakat kahwin", "pakat telor" dan juga "pakat berangkat". Kesemua pakat-pakat ini adalah bertujuan untuk membantu anggota-anggota masyarakat yang terlibat dalam kenduri kahwin. Bantuan ini adalah merupakan pertolongan samada berupa wang atau tenaga. Melalui pakat kahwin, setiap kaum wanita yang mampu, akan menyumbangkan wang sebanyak \$4.00 seorang. Tetapi ini

tidak dipaksakan keatas semua wanita. Bagi mereka yang memberi sumbangan ini, jasa mereka tidak terus dilupakan. Sebaliknya ia juga akan menerima sumbangan yang sama apabila tiba gilirannya kelak untuk mengadakan majlis kenduri. Jadi, mereka ini sentiasa hidup didalam keadaan yang berobligasi diantara satu sama lain.

Selain dari pakat kahwin, wanita kampung ini mengadakan pakat telor. Dalam pakat ini, kaum wanita yang mampu akan memberi telor kepada anggota masyarakat yang mengadakan majlis kenduri. Jumlah pemberian ini tidak dihadkan, tetapi biasanya mereka akan memberi sebanyak 20 biji telor yang telah siap direbus. Dengan cara ini, bukan sahaja dapat meringankan beban orang yang mengadakan kenduri, tetapi juga dapat mengujudkan rasa tanggungjawab, membantu jiran sekampung yang juga hidup, dalam keadaan serba kekurangan sebagaimana mereka. Seterusnya bantuan-bantuan yang diberikan ini juga dapat menimbulkan rasa kekitaan serta dapat mengeratkan lagi ikatan perpaduan yang telah sedia ujud.

Bagi menyelenggarakan urusan kenduri kahwin supaya lebih lancar, Pertubuhan Wanita UMNO juga, secara sukarela menubuuhkan pangkat berangkat. Dalam pakat ini kaum wanita bekerjasama menghidang makanan, dan melayan tetamu-tetamu yang datang. Dengan cara ini segala urusan yang berhubung dengan memberi jamuan makanan kepada tetamu, menjadi lebih teratur, kerana telah ada pihak yang bertanggungjawab. Cara ini juga memberi peluang kepada tuan rumah untuk berihat kerana segala urusan kenduri telah diserahkan kepada orang lain.

Dengan adanya kegiatan-kegiatan sosial seperti ini, hubungan

diantara kaum wanita menjadi lebih teguh. Mereka sentiasa hidup dalam keadaan saling memerlukan diantara satu sama lain. Disamping itu, dengan mengadakan perjumpaan-perjumpaan seperti ini juga, mereka boleh mendapat khabar dan mengetahui setiap perkembangan yang dialami oleh jiran-jiran mereka.

Bagi masyarakat kampung ini, Pertubuhan Wanita UMNO dianggotai oleh wanita-wanita yang kebanyakannya telah dewasa. Purata umur mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan ini ialah 43 tahun. Kebanyakan dari mereka telah berkahwin dan mempunyai anak. Jadual dibawah dapat menjelaskan keadaan wanita yang terlibat dalam kegiatan ini.

Jadual 5.3 - Penyertaan wanita yang mempunyai anak dalam UMNO

Taraf Kegiatan	Bilangan ibu	Purata bilangan anak
giat	22	6.8
tidak giat	1	8
Jumlah	23	

Dari jadual 5.3 diatas kita dapati golongan wanita yang bergiat didalam UMNO mempunyai anak secara purata seramai 6 orang. Dari kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati hanya seorang sahaja dari responden yang tidak melibatkan diri dalam UMNO oleh kerana sebab-sebab peribadi.

Berdasarkan kepada keadaan diatas jelaslah bahawa bilangan anak yang ramai tidak menghalang wanita dari bergiat cergas dalam

kegiatan-kegiatan sosial yang diadakan dalam masyarakat setempat. Di samping itu anggapan yang mengatakan tempat wanita hanyalah dirumah sudah tidak berlaku lagi dalam masyarakat kampung ini. Sebaliknya, oleh kerana perubahan sosio-budaya dalam masyarakat, maka peranan wanita juga telah turut berubah. Keadaan ini menepati dengan apa yang disarankan oleh golongan faktor-faktor alam sekitar dapat mempengaruhi perubahan peranan wanita.

(iii) Belia

Kegiatan belia ini sebenarnya tidak ujud dikampung Bukit Keledang ini sendiri. Walau bagaimanapun terdapat beberapa orang anak gadis yang menjadi responden pengkaji, terlibat dalam kegiatan ini. Mereka telah bergabung dengan belia-belia dikampung-kampung yang berhampiran, iaitu kampung Tenong dan Ladang Welch untuk menjalankan kegiatan-kegiatan.

Disamping itu, mereka juga tidak mempunyai kegiatan yang nyata yang dapat ditunjukkan. Mesyuarat hanya diadakan sekali sekala sahaja yang biasanya diadakan di Ladang Welch. Kegiatan mereka hanya boleh dilihat jika ada sesuatu peristiwa seperti keramaian atau perayaan yang diadakan samada di pekan Jementah ataupun dibandar Segamat. Dari jadual 5.1, menunjukkan bahawa hanya 14.7% sahaja dan responden yang melibatkan diri dalam kegiatan ini. Mereka adalah terdiri dari golongan muda yang secara purata mempunyai umur 20.2 tahun. Sedangkan golongan yang tidak melibatkan diri pula adalah terdiri dari golongan tua yang mempunyai purata umur 40.6 tahun dengan jumlah sebanyak 85.3%. Ini jelas menunjukkan

bahawa kegiatan belia hanya diceburi oleh golongan muda sahaja.

2. Kegiatan secara informal

Kegiatan sosial wanita yang dilakukan secara informal, biasanya merupakan kegiatan harian, didalam rumah tangga dan antara jiran sekampung. Kegiatan sosial jenis ini tidak mempunyai institusi yang nyata dan jadual yang tetap, seperti mana yang terdapat dalam kegiatan-kegiatan sosial yang bercorak formal.

Kegiatan sosial didalam rumah tangga adalah merupakan kegiatan yang melibatkan soal-soal mendidik anak dan peranan wanita sebagai isteri ataupun ketua rumah, bagi yang janda. Mereka ini mempunyai tugas yang berat bagi memastikan segala urusan yang berhubung dengan keluarga dapat berjalan lancar.

Dalam soal pendidikan anak-anak, kaum wanita merupakan orang yang paling dekat hubungannya dengan mereka. Anak-anak biasanya lebih cepat menurut kata dan jejak ibu daripada lain-lain anggota keluarga. Ibu yang baik akan dapat melahirkan anak-anak yang baik iaitu baik dalam erti kata moral dan etika. Berhubung dengan ini kata-kata yang mengatakan bahawa pendidikan itu bermula dari rumah memang terbukti kebenarannya. Jika anak-anak dibiarkan tanpa asuhan yang sempurna, kelak ia akan membesar dan menjadi sebahagian dari anggota masyarakat, dengan keadaannya yang tidak sempurna juga. Lantaran itulah para ibu harus dapat memberikan ajaran dan contoh yang baik bagi anak-anak mereka.

Selain dari itu wanita juga memainkan peranannya yang besar

dalam kedudukan mereka sebagai isteri. Walaupun masyarakat menganggap bahawa wanita mempunyai kedudukan yang lebih rendah daripada suami, tetapi hasil dari kajian, pengkaji seringkali mendapati bahawa keputusan yang mereka lakukan, adalah merupakan keputusan muktamad. Ini mungkin kerana sikap suami yang tidak suka mendengar isteri mereka berleter berlarut-larutan.

Berdasarkan pada pengalaman pengkaji, seringkali didapati bapa angkat pengkaji menurut kehendak isterinya. Misalnya, jika siisteri menyuruh suaminya menghadiri kenduri atau pun mesyuarat, maka sisuami biasanya akan menurut kata-kata isterinya. Walaupun pada mulanya beliau tidak berhajat untuk pergi, tetapi setelah didesak, beliau akan mengubah fikirannya. Sungguhpun begitu, dalam menentukan perkara-perkara yang berhubung dengan masa depan keluarga, suami dan isteri akan berbincang bersama-sama. Masing-masing pihak akan membuat keputusan berdasarkan atas persetujuan yang sama.

Dalam mengeratkan perhubungan dengan jiran-jiran sekampung, kaum wanita mempunyai tugas yang penting yang harus dimainkan. Biasanya perhubungan diantara anggota masyarakat akan menjadi lebih mesra jika kemesraan itu dijalin oleh kaum wanita. Sebaliknya, anggota masyarakat mungkin tidak berhubung mesra jika anggota wanita mereka tidak berbuat begitu. Telah menjadi pengetahuan umur, bahawa suami sibuk dengan pekerjaan bagi menyara kehidupan keluarga. Oleh itu peranan wanita sebagai isteri yang tinggal dirumah, dianggap mempunyai masa terluang yang lebih. Oleh itu mereka diharapkan dapat menggunakanannya untuk

bergaul dengan jiran-jiran.

Oleh itu tidak hairanlah jika kita dapati bahawa kaum wanita seringkali menghadiri kenduri dan menolong jiran-jiran mereka melaksanakan majlis tersebut. Kenduri-kenduri yang sering diadakan di kampung ini ialah kenduri perkahwinan, doa selamat, majlis tahlil dan lain-lain lagi, yang ada hubungannya dengan ugama Islam. Sambil mereka menolong menyediakan kelengkapan kenduri, sambil juga mereka membuka cerita dan berbual-bual.

Selain dari menghadiri kenduri, kaum wanita juga sering bertemu ditempat-tempat seperti diperigi ataupun dikilang memproses getah yang disediakan oleh RISDA. Sambil mereka melakukan kerja-kerja seperti membasuh, mandi atau memproses getah, mereka juga akan berbual-bual. Di samping itu, ada juga wanita yang menggunakan waktu petang, iaitu selepas memproses getah, untuk pergi menziarahi jira-jiran sekampung. Ini berlaku khasnya bila ada jiran-jiran yang sakit atau ditimpa kemalangan. Biasanya mereka pergi secara berkumpulan, yang telah dirancang terlebih dahulu ataupun berlaku secara kebetulan. Ini berlaku jika seorang wanita ingin menziarahi jirannya. Dalam perjalanan menuju ke rumah jiran tersebut, mungkin ia singgah atau bertemu dengan wanita lain dan mereka bersetuju untuk pergi bersama. Keadaan ini biasanya akan berlanjutan sehingga beberapa orang.

Salah satu faktor mengapa mereka lebih suka berjalan secara berkumpulan, ialah kerana cara ini dirasakan lebih seronok. Mereka akan berbual-bual semasa berjalan dan tidak merasa canggung apabila tiba ke

tempat yang dituju, jika mereka berteman. Kadangkala, ada juga wanita yang sanggup meninggalkan kerja atau melepaskan peluangnya untuk tidur siang, bila melihat teman-teman mereka berjalan beramai-ramai. Disamping itu ada juga yang membawa buah tangan yang biasanya berupa buah-buahan atau kuih-muih. Bagi mereka yang tidak membawa apa-apa buah tangan, mereka mungkin akan memberi hadiah berupa wang. Dengan cara ini, hubungan yang ujud akan menjadi lebih teguh.

Walau bagaimanapun memang tidak dapat dinafikan ujudnya perasaan tidak puas hati di kalangan kaum wanita di kampung ini. Dari pengalaman pengkaji, ujud perbezaan pendapat diantara wanita-wanita yang tinggal di atas dan di bawah bukit. Sungguhpun begitu bilangan yang terlibat tidaklah begitu ramai. Pengkaji mendapati sebahagian besar dari penduduk wanita di kampung ini hidup bersatu dan sentiasa akan memberi bantuan jika diperlukan.

Berdasarkan pada kegiatan-kegiatan yang diceburi oleh wanita-wanita di kampung Bukit Keledang ini, jelaslah bahawa wanita-wanita di kampung ini masih mempunyai masa, untuk bergaul dengan masyarakat setempat. Walaupun tugas mereka sebagai isteri yang bekerja di luar rumah, bagi membantu suami di kebun, memerlukan lebih banyak masa untuk bekerja, seperti yang disarankan oleh Hedges dan Barnet (1972), bagi wanita di kampung ini, mereka masih lagi mempunyai masa yang terluang untuk bergiat dengan kegiatan-kegiatan sosial di luar rumah. Jadi saranan yang dikemukakan oleh Hedges dan Barnet adalah tidak tepat dalam konteks wanita kampung ini.

Jelasnya wanita-wanita di kampung ini telah mengalami perubahan

yang pesat dan mempunyai peranan yang lebih besar samada terhadap keluarga sendiri mahupun terhadap masyarakat setempat. Berhubung dengan perubahan peranan yang dimainkan oleh wanita-wanita di kampung ini, saranan yang dibuat oleh golongan "environmental", yang mengatakan faktor alam sekitar boleh mempengaruhi peranan wanita, adalah lebih tepat dibandingkan dengan golongan biologi. Golongan kedua (biologi) mempunyai pendapat yang lebih statik dengan mengatakan bahawa oleh kerana sifat wanita yang semulajadi adalah sebagai "child-bearer" maka tempat yang paling sesuai untuk mereka ialah di rumah.

Dari pengalaman pengkaji, wanita-wanita di kampung ini dapat membahagi-bahagikan masa mereka diantara tugas-tugas rumahtangga dan di luar rumahtangga. Walaupun mereka bekerja di bidang ekonomi di luar rumah serta mengurus rumah, tetapi mereka masih tetap mempunyai masa bergiatan dalam kegiatan-kegiatan sosial. Mereka tidak juga membiarkan anak-anak tanpa pengawasan. Sebenarnya kegiatan-kegiatan ekonomi dan sosial yang mereka lakukan itu adalah bersetujuan dengan keadaan mereka sebagai seorang isteri dan ibu.

BAB VI

FAKTOR PENDORONG DAN PENGHALANG PERANAN DAN PENGLIBATAN WANITA DIBIDANG SOSIO-EKONOMI

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan faktor-faktor yang menjadi pendorong dan juga penghalang terhadap kegiatan-kegiatan wanita dibidang sosial dan ekonomi dikampung Bukit Keledang.

Pada umumnya masyarakat berpendapat bahawa tugas wanita yang utama ialah kepada rumahtangga mereka. Wanita tidak digalakan bergiat dalam kegiatan-kegiatan diluar rumah. Ini adalah kerana tugas mereka sebagai "breeder-feeder" memaksa mereka untuk tinggal dirumah mengasuh anak-anak. Selain dari itu anak-anak mungkin terbiar tanpa pengasuh sekiranya ibu-ibu keluar bekerja atau bergiat dengan kegiatan-kegiatan diluar rumah.

Faktor lain yang menghalang wanita dari menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan luar rumah ialah sifat fizikal mereka yang lemah. Oleh yang demikian masyarakat menganggap, mereka tidak akan berjaya menjalankan tugas sebagai "bread-winner". Tetapi sebaliknya wanita hanya layak bekerja dalam lingkungan rumahtangga, mengurus anak-anak dan melayan suami.

Walau bagaimanapun keadaan seperti ini tidak begitu ketara dikalangan wanita kampung Bukit Keledang. Disamping mereka menguruskan rumahtangga, mereka juga bergiat dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi diluar rumahtangga. Walaupun mereka telah mempunyai anak dan suami, namun keadaan ini tidak merupakan penghalang yang utama bagi mereka melakukan kegiatan-kegiatan tersebut.

Berhubung dengan keadaan ini, pengkaji telah menjalankan kajian terhadap wanita-wanita dikampung ini. Dalam melakukan kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi, terdapat beberapa faktor yang mendorong dan menghalang mereka daripada bergiat cergas dalam kegiatan-kegiatan tersebut. Faktor-faktor ini adalah merupakan faktor dalaman, yakni faktor yang dijadikan oleh keadaan diri mereka sendiri seperti umur, bilangan anak, pendapatan keluarga dan juga inisiatif diri sendiri.

1. Faktor Pendorong

Bagi kebanyakan wanita-wanita yang menjadi responden, kegiatan mereka dibidang sosial dan ekonomi adalah jelas. Biasanya mereka akan bergiat sekurang-kurangnya dalam satu lapangan, samada ekonomi atau sosial. Disamping itu tidak kurang juga mereka yang cergas bergiat dalam kedua-kedua bidang tersebut. Bagi mereka yang bergiat, faktor umur dan bilangan anak bukan merupakan penghalang utama untuk bergiat dengan kegiatan diluar rumah. Keadaan ini dapat ditunjukkan dalam jadual dibawah.

Jadual 6.1 - Latarbelakang responden yang giat
dibidang sosial dan ekonomi

Umur responden	Bilangan responden yang giat dalam kegiatan sosial dan ekonomi	Purata pendapatan keluarga	Purata bilangan anak
16 - 26	11	156.5	-
27 - 36	2	225	3
37 - 46	11	260.9	7.3
47 - 56	8	91.3	7.4
57 - 66	2	100	6.5
Jumlah	34		

Nota: Bagi responden yang berumur 16 tahun hingga 26 tahun, mereka ini terdiri dari gadis yang belum berkahwin. Oleh itu ruangan untuk purata bilangan anak ditinggalkan kosong.

(i) Umur

Berdasarkan kepada jadual 6.1, kita dapati mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan luar rumah, adalah terdiri dari semua peringkat umur. Mereka merupakan wanita-wanita yang masih bujang dan telah berumahtangga. Wanita tertua yang menjadi responden berumur 65 tahun. Walaupun ia dianggap telah begitu tua untuk aktif tetapi oleh beberapa sebab tertentu ia telah melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan luar rumah khasnya kegiatan ekonomi.

Dalam hal ini, perlu dijelaskan bahawa wanita yang dianggap aktif dengan kegiatan-kegiatan luar rumah tidaklah semestinya giat dalam kedua-dua bidang ekonomi dan sosial secara cergas. Melalui pengalaman pengkaji ada diantara wanita-wanita ini yang terlibat hanya didalam bidang ekonomi sahaja dan tidak dibidang sosial. Kalau mereka menceburi bidang

sosial juga, mungkin hanya setakat menjadi ahli dan hadir dalam perjumpaan-perjumpaan yang tertentu sahaja.

Faktor umur ini boleh juga dikaitkan dengan faktor kehendak. Biasanya, mereka yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan luar rumah ini adalah secara sukarela dan ingin mencari pengalaman. Dari pengalaman pengkaji walaupun terdapat wanita-wanita yang telah lanjut usia melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan luar rumah, tetapi peranan yang aktif adalah dimainkan oleh wanita-wanita yang lebih muda. Biasanya mereka terdiri dari wanita-wanita yang masih bujang. Keadaan ini jelas dalam aktiviti-aktiviti sosial yang diadakan di kampung ini. Peranan-peranan penting dalam pertubuhan biasanya diserahkan kepada wanita-wanita yang lebih muda, sementara wanita yang berumur hanya menjadi ahli biasa sahaja.

Walaupun mereka hanya menjadi ahli biasa, tetapi peranan mereka boleh dibanggakan. Biasanya mereka merupakan golongan penyokong utama dalam setiap kegiatan yang dirancang oleh pertubuhan. Mereka jarang memberi bangkangan kerana biasanya mereka tidak suka menimbulkan kekecuan dan sentiasa menurut apa yang difikirkan baik oleh majoriti anggota kumpulan. Melalui kegiatan-kegiatan yang mereka ceburi ini, mereka boleh menambah pengalaman dan dapat bergaul dengan anggota-anggota masyarakat secara lebih dekat.

Bagi wanita yang terlibat dibidang ekonomi, rata-rata berpendapat, tujuan mereka bekerja ialah untuk menambahkan pendapatan. Berdasarkan pada jadual 6.1, pendapatan purata suami atau bapa adalah tidak melebihi \$260.00 sebulan. Jadi adalah menjadi tanggungjawab

anggota keluarga yang dewasa menolong untuk meringankan beban keluarga. Bagi wanita-wanita yang telah berumur tetapi masih terlibat dengan pekerjaan diluar rumah biasanya merupakan wanita yang telah menjadi janda atau mempunyai suami yang telah uzur. Dalam hal ini tugas sebagai "bread-winner" telah berpindah tangan dari lelaki kepada perempuan.

Berdasarkan kepada sebab-sebab yang diberikan, jelas menunjukkan bahawa faktor umur tidak menghalang wanita-wanita kampung Bukit Keledang untuk bergiat cergas dalam kegiatan-kegiatan yang diadakan diluar rumah-tangga yang meliputi bidang-bidang sosial dan ekonomi.

(ii) Bilangan anak

Sebahagian besar responden yang giat dengan kegiatan-kegiatan diluar rumah adalah terdiri dari wanita-wanita mempunyai anak. Walaupun begitu ada juga golongan wanita yang tidak mempunyai anak, iaitu mereka yang masih bujang. Jadual 3.3 di bab 3 dapat menunjukkan kadar bilangan anak yang dippunyai oleh responden-responden. Secara purata jumlah bilangan anak yang dippunyai oleh responden adalah seramai 7 orang. Dalam hal ini faktor bilangan anak bukan merupakan faktor utama yang menghalang responden bergiat dibidang kegiatan sosial. Tetapi sebaliknya faktor ini dapat mendorong wanita-wanita tersebut untuk bergiat dibidang ekonomi diluar rumah. Ini adalah kerana dengan pendapatan suami secara purata kurang dari \$300.00 sebulan dan mempunyai bilangan anak yang ramai, adalah merupakan suatu beban bagi keluarga. Oleh sebab itulah maka kaum wanita terpaksa bersama-sama memikul tugas ini demi kesejahteraan keluarga.

Walaupun begitu, ramai juga wanita yang mempunyai anak-anak yang

ramai, tetapi turut melibatkan diri dibidang sosial. Biasanya anak-anak yang lebih dewasa disuruh menjaga adik-adik yang masih kecil ketika ibu-ibu mereka melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang diadakan.

(iii) Kedudukan ekonomi keluarga

Pada keseluruhannya, pendapatan penduduk kampung ini adalah rendah. Keadaan ini telah dijelaskan oleh pengkaji dalam bab IV latihan ilmiah ini. Mereka adalah merupakan golongan yang miskin kerana taraf pendapatan yang mereka terima adalah dibawah garis kemiskinan, yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu sebanyak \$300.00 sebulan bagi keluarga yang mempunyai 4 orang anak. Kemiskinan ini adalah disebabkan oleh kegiatan ekonomi. Mereka yang bercorak pertanian, iaitu suatu kegiatan yang sentiasa mengalami keadaan turun naik harga. Rata-rata kehidupan penduduk dikampung ini adalah sederhana. Tetapi jika mereka mempunyai tanggungan yang ramai, sudah tentu mereka akan mengalami kesulitan. Jadi, sebagai orang kedua penting dalam keluarga, ibu-ibu yang mempunyai anak terpaksa juga keluar bekerja bagi membantu suami-suami mereka menghasilkan pendapatan.

Selain dari dapat membantu keluarga, kegiatan ekonomi mereka diluar rumah juga boleh memberikan pendapatan. Ini bererti mereka tidak perlu meminta wang dari suami, jika mereka menginginkan sesuatu. Oleh sebab inilah, mengapa didapati ramai dari responden-responden yang masih bujang keluar bekerja menjadi buruh diladang getah yang berhampiran. Disamping menambahkan pendapatan mereka berpendapat, dengan keluar bekerja, dapat juga menghilangkan rasa bosan tinggal terkurung dirumah.

Faktor lain yang dapat menjadi pendorong kegiatan luar rumah dikalangan wanita kampung ini ialah inisiatif diri sendiri. Bagi mereka yang benar-benar berminat dan berniat untuk melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan tersebut, sudah tentu tidak ada halangan yang benar-benar kuat. Walaupun mereka telah lanjut usia dan mempunyai anak yang ramai, tetapi jika mereka benar-benar mahu bergiat, mereka akan melakukan kegiatan-kegiatan tersebut.

Bagi wanita dikampung Bukit Keledang, tujuan utama mereka bergaul dengan masyarakat ialah untuk mencari pengalaman serta menambahkan pengetahuan. Disamping itu mereka juga dapat menjalin persahabatan yang lebih erat lagi diantara anggota-anggota masyarakat setempat. Tujuan mereka bergiat dibidang ekonomi pula adalah untuk meninggikan pendapatan keluarga dan seterusnya dapat mengecap kemewahan hidup.

Segala faktor-faktor yang telah dibincangkan, iaitu faktor umur dan kadar pendapatan keluarga, adalah merupakan faktor dalaman. Disamping itu terdapat faktor luaran yang dapat menggalakan penglibatan wanita-wanita dikampung ini menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi dan sosial. Misalnya peranan Kerajaan melalui RISDA, yang berusaha menggalakan pekebun-pekebun kecil aktif samada dibidang ekonomi ataupun sosial. Dibidang ekonomi, RISDA telah mengadakan Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK). Bantuan yang berupa nasihat alat-alat memproses getah, baja dan benih-benih yang baik telah diberikan kepada penduduk-penduduk kampung ini, supaya pengeluaran dapat ditingkatkan dan seterusnya dapat menambahkan pendapatan.

Disegi sosial pula RISDA menggalakan pertubuhan-pertubuhan seperti

Pertubuhan Pekebun-pekebun Kecil (PPPK) ataupun Pertubuhan Wanita Pekebun Kecil (PWPK). Dengan itu masyarakat bukan sahaja dapat bergaul dengan anggota-anggota yang lain tetapi juga dapat menambahkan pengalaman dan pengetahuan mereka, melalui kegiatan-kegiatan seperti memasak, menyulam dan membuat gubahan bagi pertubuhan PWPK.

2. Faktor Penghalang

(i) Umur dan jantina

Dalam perbincangan yang lepas, umur seseorang dapat dijadikan sebagai pendorong kegiatan wanita diluar rumah. Walau bagaimanapun faktor ini juga dapat dijadikan sebagai penghalang bagi setengah-setengah wanita dalam melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan diluar rumah.

Bagi mereka yang menganggap umur yang lanjut merupakan penghalang untuk mereka bergiat, berpendapat bahawa ramai lagi wanita-wanita muda yang boleh bergiat secara cergas. Oleh itu mereka berpendapat lebih eluk tugas-tugas tersebut diserahkan kepada mereka sahaja. Selain dari itu golongan ini mengharapkan pada anak-anak yang telah dewasa untuk memberi mereka bantuan bagi memenuhi keperluan-keperluan hidup yang asas. Mereka juga kurang berminat untuk mencari dan mengumpul harta kekayaan, kerana umur yang sudah lanjut.

Faktor umur ini juga dapat dikaitkan dengan faktor jantina, di mana biasanya wanita yang telah berumur seringkali merasa lemah dan tidak bertenaga serta mempunyai perasaan pasif terhadap kegiatan-kegiatan ekonomi dan sosial. Selain dari itu wanita-wanita ini juga biasanya telah mempunyai

anak gadis yang boleh diwakilkan, bagi menghadiri kegiatan-kegiatan sosial, yang diadakan dikampung ini.

(ii) Bilangan anak

Bagi wanita yang mempunyai anak yang ramai dan masih kecil-kecil, adalah sukar bagi mereka untuk bergiat dengan kegiatan-kegiatan diluar rumah. Ini adalah kerana anak-anak ini memerlukan penjagaan yang benar-benar rapi. Disamping itu masa mereka juga terpaksa dihabiskan dirumah bagi menyelesaikan tugas-tugas sebagai isteri dan ibu.

Walaupun begitu memang tidak dapat dinafikan tentang adanya kegiatan luar rumah mereka. Tetapi ini adalah jarang sekali jika dibandingkan dengan wanita-wanita yang tidak mempunyai anak, atau tidak mempunyai anak yang ramai.

Apabila ditanya mengapa mereka tidak melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan diluar rumah, alasan yang sering diberikan ialah tidak ada masa atau letih. Oleh itu jelaslah bahawa dalam setengah-setengah kes, bilangan anak dapat mempengaruhi kadar penglibatan seseorang wanita.

Didalam kes kampung Bukit Keledang, bilangan responden yang tidak melibatkan diri disebabkan oleh faktor bilangan anak dan umur yang lanjut tidak begitu ramai. Hasil dari kajian pengkaji secara keseluruhan-nya wanita-wanita dikampung ini melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan luar rumah samada sosial ataupun ekonomi. Apa yang nyata ialah hanya taraf penglibatan mereka sahaja yang berbeza diantara satu sama lain, samada giat atau kurang giat.

3. Kesan Dari Peranan dan Penglibatan Wanita

Setiap kegiatan yang dilakukan oleh setiap orang harus mempunyai kesan, samada positif atau negatif, samada kegiatan-kegiatan yang dilakukan itu dapat memberikan faedah atau sebaliknya. Berhubung dengan itu pengkaji cuba melihat apakah kesan-kesan yang diterima oleh pihak-pihak yang mempunyai hubungan dengan wanita di Bukit Keledang ini, akibat dari penglibatan wanita dibidang sosial dan ekonomi diluar rumah. Kesan-kesan ini boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu kesan terhadap diri, keluarga dan masyarakat.

(i) Kesan terhadap diri

Kegiatan wanita dibidang ekonomi dan sosial dapat memberi faedah terhadap diri mereka. Dari segi ekonomi misalnya, dengan penglibatan mereka dibidang ini, sekurang-kurangnya mereka dapat meringankan beban keluarga, disamping dapat memenuhi kehendak-kehendak sendiri, tanpa meminta bantuan dari sesiapa. Selain dari itu baki dari pendapatan mereka boleh juga disimpan sebagai bekalan semasa mereka tua nanti atau apabila ditimpa kesusahan. Berhubung dengan ini sebanyak 29.4% dan responden menyatakan mereka ada membuat simpanan samada dirumah ataupun di pejabat pos.

Bagi mereka yang menyimpan wang dirumah, berpendapat, bahawa wang simpanan itu mudah diambil apabila ianya diperlukan. Ini adalah kerana taraf pendidikan mereka yang rendah menyebabkan kurangnya pengetahuan untuk mengisi borang-borang yang berhubung dengan penyimpanan tersebut. Selain dari itu, mereka juga menghadapi masalah dan kurang berminat untuk menyimpan wang di pejabat pos kerana sistem pengangkutan yang tidak tetap,

bagi membolehkan mereka keluar ke pekan menyimpan wang. Oleh itu mereka lebih suka membuat simpanan dirumah sahaja.

Tetapi bagi mereka yang membuat simpanan di pejabat pos pula berpendapat, wang yang disimpan tidak mudah keluar. Ini adalah kerana mereka harus mengambil masa untuk mengeluarkannya. Wang tersebut hanya akan dikeluarkan jika ia benar-benar diperlukan. Disamping itu penyimpanan cara ini juga dianggap lebih selamat.

Bagi wanita-wanita yang melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan sosial pula, mereka mendapati perhubungan mereka dengan lain-lain anggota masyarakat menjadi lebih mesra. Disamping itu, mereka juga boleh mendapat pengalaman serta pelajaran melalui kegiatan-kegiatan yang mereka lakukan. Misalnya, bagi wanita-wanita yang menyertai pertubuhan PWPK di-kampung ini akan diajar memasak, menjahit dan juga membuat gubahan-gubahan oleh guru-guru yang didatangkan oleh pihak RISDA. Jadi dengan ini, mereka boleh menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang-bidang tersebut.

Hasil dari kajian, pengkaji mendapati bahawa secara keseluruhannya, penglibatan wanita dibidang ekonomi dan sosial yang ada dikampung ini dapat memberikan kesan yang baik terhadap diri mereka sendiri, sekiranya mereka benar-benar bergiat secara aktif. Tetapi bagi mereka yang bergiat secara sambil lewa sahaja sudah tentu tidak akan mendapat sebarang faedah darinya.

(ii) Kesan terhadap keluarga

Apabila seseorang isteri atau ibu bergiat dalam kegiatan-kegiatan luar rumah, keluarga mengalami dua kesan, iaitu negatif dan positif. Jika

seseorang wanita bergiat dibidang ekonomi diluar rumah, kesan positif yang didapati ialah keringanan beban yang ditanggung oleh keluarga. Hasil dari pendapatan wanita yang bekerja, dapat digunakan bagi menampung kekurangan yang ada. Dengan cara ini, walaupun kehidupan mereka tidak mewah, tetapi sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban suami atau keluarga.

Disegi sosial pula, kesan positif yang boleh didapati oleh keluarga apabila anggota wanita mereka, samada ibu atau isteri, melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sosial ialah disegi pandangan masyarakat umum. Ini adalah kerana masyarakat lebih mengenali anggota-anggotanya yang selalu bergaul dan aktif dalam persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang dianjurkan. Sebaliknya mereka tidak akan mengenali keluarga yang tidak pernah bergaul dengan masyarakat atau yang mengasingkan diri dari masyarakat. Secara tidak langsung, masyarakat akan memandang tinggi kepada anggota-anggota mereka yang giat dalam kegiatan-kegiatan sosial yang diadakan. Masyarakat akan sedia memberikan pertolongan kepada anggota-anggota yang dikenali dan dihormati sekiranya mereka ditimpa kesulitan. Ini adalah kerana ikatan persahabatan yang dijalin semasa mengadakan kegiatan-kegiatan sosial dapat mempengaruhi tindakan mereka.

Disamping kesan yang baik, terdapat juga kesan yang tidak baik, apabila seseorang ibu atau isteri bergiat cergas dengan kegiatan-kegiatan diluar rumah. Ini adalah kerana wanita-wanita tersebut terpaksa meninggalkan anak serta tugas-tugas mereka sebagai seorang suri rumahtangga. Anak-anak mungkin ditinggalkan dibawah jagaan suami atau ahli-ahli keluarga yang lebih dewasa. Ini mungkin menyebabkan anak-anak tersebut kurang mendapat

perhatian dan layanan yang sewajarnya. Selain dari itu, akibat dari kegiatan wanita diluar rumah mungkin boleh menyebabkan tugas-tugas mengurus rumah menjadi tidak sempurna.

Sungguhpun demikian, jika wanita-wanita tersebut pandai membahagi-bahagikan masa diantara tugas-tugas rumah tangga dengan tugas-tugas diluar rumah, segala masalah ini akan dapat diatasi. Bagi wanita dikampung Bukit Keledang, masalah-masalah yang timbul dari penglibatan mereka dibidang sosial dan ekonomi tidak begitu ketara. Ini adalah kerana kegiatan-kegiatan sosial biasanya diadakan pada waktu-waktu petang dan hanya dalam waktu yang singkat sahaja.

Bagi kegiatan ekonomi pula biasanya dilakukan jika anak-anak kecil mereka terjamin dipelihara. Mereka tidak akan meninggalkan anak-anak yang masih kecil dibawah pengawasan orang yang tidak boleh diharapkan-nya. Disamping itu para suami juga tidak mengalakan isteri-isteri mereka keluar bekerja sekiranya, mereka mempunyai anak-anak yang memerlukan jagaan yang sepuhnya. Jadi, tugas "bread-winner" adalah merupakan tanggungjawab suami sahaja.

(iii) Kesan terhadap masyarakat

Dalam masyarakat yang mengalami perubahan kearah kemajuan, kaum wanitanya tidak lagi terkurung didalam rumah, menguruskan kerja-kerja rumah tangga seperti memasak makanan, mengemas rumah, mencuci pakaian dan menjaga anak-anak. Sebaliknya kaum wanita harus bergiat dalam segala bidang kegiatan ekonomi, sosial mahupun politik.

Apabila kaum wanita bergiat didalam kegiatan-kegiatan sosial yang dianjurkan oleh masyarakat, bermakna mereka telah menjalin perhubungan dengan anggota-anggota masyarakat yang lainnya. Keadaan ini akan mengujudkan rasa perpaduan yang erat diantara mereka. Jika ini berlaku mereka akan sentiasa hidup dalam suasana berbaik-baik dan saling bantu-membantu. Seterusnya keadaan ini akan membawa kepada kejayaan seluruh anggota masyarakat, kerana hanya dengan melalui perpaduan sahajalah sesuatu rancangan pembangunan itu boleh dilaksanakan.

Dari segi ekonomi pula, jika seluruh anggota masyarakat keluar bekerja mencari nafkah hidup, sudah tentu pendapatan keluarga akan bertambah. Ini seterusnya akan membawa kepada ketinggian taraf hidup masyarakat tersebut. Masyarakat tidak lagi hidup dalam kemiskinan, yang mana, ini dapat menyekat usaha-usaha pembangunan selanjutnya.

Bagi masyarakat dikampung Bukit Keledang yang mempunyai kaum wanita yang terlibat didalam kegiatan-kegiatan luar rumah, sebenarnya mereka merupakan masyarakat yang membangun dan sedang menuju kearah kemajuan. Kaum wanitanya tidak lagi pasif dan berfungsi sebagai pengguna didalam rumahtangga semata-mata, tetapi sebaliknya mereka juga merupakan tenaga pengeluar.

Disamping itu kaum wanita juga dianggap sebagai penghubung silaturrahim diantara anggota-anggota masyarakat. Oleh kerana biasanya kaum wanita dianggap sebagai kaum yang suka bertandang kerumah jiran, maka tugas mereka sebagai penghubung persahabatan dapat dilaksanakan.

BAB VII

KESIMPULAN

Dalam tiga bab yang lepas, pengkaji telah membincangkan penglibatan dan peranan wanita dibidang sosial dan ekonomi serta faktor-faktor yang mendorong dan menghalang mereka melakukan kegiatan-kegiatan ini. Sejajar dengan proses pembangunan yang dialami oleh negara, kaum wanita di Bukit Keledang telah juga turut serta melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan diluar rumah. Wanita-wanita tidak lagi hanya berfungsi sebagai ibu dan isteri yang tinggal dirumah, mengurus keluarga dan anak semata-mata, tetapi juga turut terlibat dengan kegiatan-kegiatan kemasyarakatan dan bekerja bagi membantu suami atau keluarga.

Berdasarkan kepada keadaan-keadaan tersebut, wanita kini mempunyai dua tugas yang berlainan samasekali. Satu tugas berhubung dengan rumahtangga sahaja, sementara tugas yang lagi satu pula melibatkan kegiatan-kegiatan diluar rumahtangga, samada dibidang sosial ataupun ekonomi. Kedua-dua tugas merupakan tanggungjawab yang berat bagi wanita yang dianggap mempunyai sifat fizikal yang lemah.

Jika ditinjau dari kehidupan masyarakat sehari-hari, wanita luar bandar khasnya mempunyai tugas yang lebih banyak dan berat berbanding dengan lelaki atau suami mereka. Kaum wanita terpaksa bekerja mengurus rumahtangga yang tiada pernah tamat, tanpa bantuan alat-alat moden. Sedangkan para suami yang bekerja mencari nafkah hidup seringkali mendapat bantuan teknologi moden. Bagi penoreh-penoreh getah di Bukit Keledang

misalnya, mereka menggunakan motorsikal atau basikal untuk mengangkut getah mereka ke pusat penjualan. Dengan lain perkataan, kemajuan teknologi yang ada masih tidak dapat membantu wanita-wanita di kampung ini meringankan tugas-tugas mereka. Kaum wanita terpaksa mengandar air pulang kerumah, mencuci pakaian ditelaga dan mengumpul kayu api bagi digunakan untuk memasak makanan.

Selain dari itu wanita juga mempunyai masa rihat yang kurang berbanding dengan suami-suami mereka. Selepas membantu suami bekerja dikebun, kaum wanita terpaksa pula mengurus rumahtangga seperti memasak makanan, mengemas rumah ataupun mencuci pakaian. Sedangkan para suami pula biasanya dapat berihat selepas penat bekerja.

Disamping itu kaum wanita juga biasanya bertanggungjawab atas pemeliharaan binatang-binatang ternakan seperti ayam itik dan menanam sayur-sayuran disekitar rumah. Mereka juga terpaksa membersihkan kawasan rumah seperti menyapu sampah dan menjajak rumput. Ini adalah kerana seorang suami biasanya jarang sekali mahu mengerjakan tugas-tugas tersebut, kerana menganggap ianya adalah kerja wanita. Disamping itu masyarakat tidak akan menyalahkan suami sekiranya kawasan rumahtangga seseorang itu tidak terpelihara. Tetapi sebaliknya masyarakat akan mengatakan wanita lah yang malas.

Dengan itu tugas-tugas wanita bukan sahaja dilakukan atas sebab-sebab kepentingan dan kesejahteraan keluarga mereka, tetapi juga kerana pandangan masyarakat. Supaya mereka tidak dikata, wanita terpaksa melakukan lebih banyak tugas-tugas sampingan yang lain. Wanita juga harus

bergaul dengan masyarakat setempat agar tidak dikata sompong dan diketepikan.

Tugas wanita mengurus rumah tangga tidak hanya dilakukan disiang hari sahaja, bahkan hingga kemalam. Anak-anak yang masih kecil harus diuruskan makan dan minumnya dengan sempurna. Sementara anak-anak yang lebih besar, terutamanya anak-anak perempuan seringkali disuruh menjaga adik-adik mereka dan menolong melakukan kerja-kerja lain dalam rumah tangga.

Kadangkala anak-anak ini juga terpaksa membantu keluarga mereka menoreh getah dikebun. Ini dilakukan bila mereka tidak pergi ke sekolah. Jika mereka bersekolah diwaktu petang, mereka akan menoreh diwaktu pagi. Oleh itu anak-anak ini tidak mempunyai masa untuk mengulangkaji pelajaran mereka dirumah. Jadi, tidak hairanlah mengapa ramai diantara anak-anak dikampung ini yang mengalami keciciran. Ibum biasanya hanya menitik-beratkan tentang kedatangan anak-anak kesekolah, tetapi tidak menggalakan anak-anak ini mengulangkaji pelajaran mereka dirumah.

Bagi wanita-wanita dikampung Bukit Keledang, penglibatan dengan kegiatan-kegiatan diluar rumah sudah tidak asing lagi bagi mereka. Pada umumnya semua wanita kampung ini terlibat dengan kegiatan-kegiatan luar rumah samada sosial, ekonomi atau kedua-duanya sekali. Apa yang membezakan diantara seorang dengan yang lain ialah kadar penglibatan mereka. Ada yang bergiat cergas didalam kedua-dua bidang, sosial dan ekonomi, tetapi tidak kurang juga yang hanya bergiat dalam satu bidang sahaja. Dengan itu jelaslah bahawa tugas wanita tidak hanya terhad mengurus rumah tangga sahaja seperti yang disarankan oleh golongan biologi seperti Seward (1970) & Laws (1979).

Golongan biologi berpendapat wanita harus tinggal dirumah mengurus rumahtangga kerana tugas tradisi mereka sebagai "breeder-feeder" serta sifat-sifat fizikal mereka yang lemah jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Walau bagaimanapun saranan ini sudah tidak berlaku lagi di kalangan wanita-wanita dikampung Bukit Keledang. Tetapi sebaliknya, disamping menjalankan tugas yang berdasarkan kepada sifat-sifat biologi, wanita juga terlibat dengan kegiatan-kegiatan luar rumah yang merupakan unsur baru dalam masyarakat. Sebelum ini, kaum wanita Melayu khasnya memang jarang melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan luar rumah. Tetapi dengan adanya perumahan sosio-budaya yang berlaku dalam masyarakat maka peranan wanita juga turut berubah.

Perubahan peranan yang dialami oleh wanita ini amat menepati dengan apa yang disarankan oleh golongan "environmental". Wanita tidak lagi tinggal dirumah menunggu kepulangan suami membawa nafkah, tetapi telah turut membantu kerja-kerja suami disamping melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan kemasyarakatan.

Dengan kemajuan teknologi yang dialami ini, banyak unsur-unsur baru diperkenalkan dalam kehidupan masyarakat sehari-hari. Unsur-unsur baru ini berbentuk samada material seperti perabut-perabut moden ataupun bukan material seperti hiburan. Ini bermakna keperluan terhadap wang bertambah. Pendapatan suami yang biasanya kecil hanya cukup untuk memenuhi keperluan-keperluan asas keluarga sahaja. Oleh itu jika kaum wanita berhasrat untuk membeli barang-barang keperluan rumah yang lain, mereka harus mempunyai wang sendiri.

Dengan adanya perubahan peranan yang dimainkan oleh wanita di-kampung ini maka saranan yang dibuat oleh golongan "environmental" seperti Hotler (1975) adalah amat tepat sekali. Wanita kini terpaksa bekerja diluar rumah bagi menambahkan pendapatan keluarga dan seterusnya dapat meninggikan taraf hidup mereka.

Kaum wanita pada masa kini khasnya wanita-wanita diluar bandar telah memainkan kedua-dua peranan iaitu yang berdasarkan kepada faktor-faktor biologi dan juga faktor "environmental". Dalam konteks masyarakat kampung ini, saranan yang dibuat oleh Boulding lebih menepati keadaan mereka. Boulding berpendapat wanita diseluruh dunia mempunyai peranan yang besar dalam masyarakat. Walaupun mereka dikatakan sebagai golongan yang lemah tetapi tugas mereka dalam perkembangan generasi baru yang akan datang meletakkan wanita ditempat yang penting dan tidak seharusnya diperkecilkan. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab atas pengurusan rumah tangga tetapi juga atas hal-hal yang berhubung dengan mencari rezeki.

"...world women breed babies, produce milk to feed them, grow food and process it, provide water, fuel, and clothing, build houses, make and repair road, serve as the beasts of burden and sit in the market to sell the surpluses." (Boulding; 1977: III).

Berhubung dengan besarnya peranan yang dimainkan oleh wanita, Mao Tze-tung pernah mengatakan "women hold up half the sky" (Boulding; 1977). Ini menunjukkan bahawa peranan yang dimainkan oleh wanita adalah amat besar dalam perkembangan masyarakat semasa dan juga dimasa akan datang.

Khusus bagi wanita dikampung Bukit Keledang, walaupun mereka telah melibatkan diri dalam kedua-dua bidang kegiatan sosial dan ekonomi

diluar rumah tetapi taraf penglibatan mereka adalah tidak sama sepetimana wanita di negara-negara Barat.

Disegi ekonomi misalnya, kebanyakan wanita di Barat bekerja diluar rumah, adalah kerana mereka mempunyai taraf pencapaian yang tinggi disegi pelajaran dan teknik. Tetapi bagi wanita-wanita di Bukit Keledang, mereka tidak mempunyai pelajaran yang tinggi. Walaupun begitu mereka masih tetap bergiat dalam kegiatan ekonomi diluar rumah. Ini adalah kerana tujuan utama mereka keluar bekerja adalah untuk menambahkan pendapatan keluarga.

Sebagai kesimpulan, dapatlah dikatakan bahawa kaum wanita kini amnya dan wanita dikampung Bukit Keledang khasnya telah mengalami perubahan disegi peranan yang mereka mainkan. Kaum wanita tidak lagi semata-mata bertugas didalam rumahtangga sepanjang masa, tetapi telah turut melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi diluar rumahtangga. Ini adalah merupakan kesan dari proses permodenan dan kemajuan yang dialami oleh negara amnya dan wanita khasnya.

Bibliografi

1. Dahlstrom, E. - The Changing Roles of Men and Women, Gerald Duckworth & Co. Ltd., London; 1967.
2. Friedl, Ernestine - Women and Men: An Anthropologist's View, Holt, Rhinehart & Winston, New York, 1975.
3. Huber, Joan - Changing Women in a Changing Society, University of Chicago Press, Chicago, 1973.
4. Holter, H - Sex Roles and Social Change, dalam Women and Achievement oleh Martha Tamara Shuch Mednick et. al; Hemisphere Publishing Corporation, Washington; 1975.
5. Laws, Judith Long - The Second X : Sex Role and Social Role, Elservier North Holland Inc. New York, 1979.
6. Montagu, Ashley - The Natural Superiority of Women, A division of MacMillan Publishing Co. Inc. New York, 1952 & 1976.
7. Myrdal, Alva & Klein - Viola Women's two Roles - Home and Work, London Routledge and Kegan Paul Ltd, 1956.
8. Lloyd, Cynthia and Beth T. Niemi - The Economics of Sex Differentials, Columbia University Press, New York, 1979.
9. Armstrong, Pat and Hugh Armstrong - The Double Ghetto - Canadian Women and Their Segregated, Mc Clelland and Stewart, 1979.
10. Darling, Martha - The Role of Women in the Economy, Organisation for Economic Co-operation and Development, 1975.
11. Iglehart, Alfreda - Married Women and Work, D.C. Heath and Company Lexington, Toronto, 1976.
12. Boulding, Elise - Women in the Twentieth Century World, Sage Publications, 1977.
13. Bierstedt, Robert - The Social Order - An Introduction to Sociology, Mc Graw - Hill Company, New York, 1963.
14. Killian, Ray - The Working Woman, American Management Association, 1971

15. Caplan, Patricia & - Women United, Women divided, Tavistock Publications, 1978.
16. Syed Hussin Ali - Masyarakat dan Pimpinan Kampung Di Malaysia, Penerbit Fajar Bakti, 1977.
17. Negara Kita - Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, Malaysia, 1980.
18. Rancangan Malaysia Ketiga - Kajian Separuh Penggal, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1979.

Jurnal

1. Women and National Development: The Complexities of Change, Journal of Women in Culture and Society, Vol.3 No.1.